


Jilid III
Bil. 40



Hari Jumaat
14hb Disember, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4601]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4636]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4636]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Jumaat, 14hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Petani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).

- Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GEMINI CHIT FUND CORP., LTD

1. Tuan V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) Mengapa Syarikat Gemini Chit Fund ditutup; dan
- (ii) apakah hartabenda syarikat itu dan apakah tindakan yang sedang diambil terhadap hartabenda tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Gemini Chit Fund Corporation Ltd. telah ditubuhkan di Singapura dan telah didaftarkan di Malaysia sebagai syarikat asing. Berikutan dengan penipuan yang telah dilakukan oleh pengarah-pengarahnya, Mahkamah Tinggi Singapura di atas permohonan dari Menteri Kewangan Singapura telah mengeluarkan perintah supaya syarikat itu dibubarkan. Menurut peruntukan Akta Syarikat Malaysia, apabila sesuatu syarikat asing dibubarkan di negeri syarikat itu ditubuhkan, harta-harta syarikat tersebut yang ada di Malaysia mestilah diletakkan di bawah jagaan Pegawai Penyelesai.
- (ii) Harta syarikat ini di Malaysia sebahagian besarnya mengandungi harta tetap, hutang-hutang kepada syarikat itu dan juga hutang-hutang dari pencarum kumpulan kutu yang gagal menunaikan tanggungjawab masing-masing. Pegawai Penerima Malaysia telah dilantik oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur menjadi Penyelesai bagi perjalanan syarikat ini di Malaysia dan beliau telahpun dapat menjual semua harta-harta tetap syarikat ini di Malaysia. Walau bagaimanapun, pembahagian hasil dari harta tetap yang dijual dan kutipan hutang-hutang pada syarikat dan hutang-hutang pada

syarikat dan hutang-hutang dari pencarum yang gagal menunaikan tanggungjawab mereka belum diselesaikan kerana menunggu keputusan dari Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada juga rakyat di Malaysia membeli saham atau menanam modal dalam Chit Fund ini. Mereka hendak tahu bolehkah mereka dapat sedikit wang yang mereka beri keterangan mereka itu akan dapat wangnya balik atau tidak: Kalau dapat, bila.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada penyelesaian yang dijangka akan dibuat hasil daripada keputusan Mahkamah Tinggi. Jadi, terkeluar daripada tanggungan Kementerian saya, malahan terletak di bawah Mahkamah Tinggi.

DASAR EKONOMI BARU

2. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang kepada dasar Ekonomi Baru, adakah kemungkinan perusahaan-perusahaan memasang kereta dalam negeri ini memberi keutamaan kepada Bumiputra misalnya sebagai wakil pembahagi.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi penjelasan terhadap perkara ini ketika menggulung perbahasan mengenai Usul meluluskan Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua pada 3-12-1973, dan saya tidak bercadang hendak membicarakannya lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah telah sampai kepada pengetahuan Menteri yang berkenaan bahawa sungutan daripada peniaga-peniaga Bumiputra mengatakan syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka itu sangat ketat. Jika ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi peluang supaya Bumiputra kita dapat mengambil bahagian dalam perniagaan ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa soal ini pun sudah disebut dalam jawapan saya dahulu.

TARAF PERINTIS

3. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh pengeluaran sijil "taraf perintis" kepada pengusaha-pengusaha yang ingin melaburkan modal di negara ini atau samada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat yang dikenakan ke atas pemodal-pemodal asing.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus menggunakan galakan taraf perintis untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri jika pelaburan itu untuk projek-projek yang berkelayakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968. Galakan ini adalah perlu agar pengusaha-pengusaha tersebut dapat mendirikan projek-projek perusahaan mereka di negeri ini sesuai dengan dasar Kerajaan untuk membanyakkan lagi pelaburan dan juga untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Ini juga adalah dengan tujuan untuk membolehkan industri-industri baru tersebut dapat bertapak dengan kokoh semoga mereka dapat membawa kemakmuran ke dalam negara ini.

Walau bagaimanapun, galakan-galakan yang terdapat di dalam Akta tersebut adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa dengan tujuan ianya dapat disesuaikan dengan kehendak keadaan. Begitu juga syarat-syarat yang dikenakan ke atas pelabur-pelabur adalah dikaji dari masa ke semasa dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu iaitu dalam syarat-syarat yang dikenakan apabila sijil taraf perintis dikeluarkan itu bolehkah Kerajaan menetapkan satu gaji minima atau gaji yang berpatutan, kerana gaji yang dibayar oleh kilang-kilang ini tidak sesuai dan tidak berpatutan, bolehkah ini dijadikan sebagai satu syarat?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal gaji minima ini telah dikemukakan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat beberapa kali dan pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telahpun menjelaskan dasarnya. Jadi oleh sebab dasarnya telah dijelaskan tidaklah dapat syarat ini

dimasukkan sebagai satu syarat di dalam taraf perintis.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, dalam Economic Report 1973-1974, Treasury, menyebutkan \$660 juta dijangka akan dihantar keluar negeri pada tahun ini oleh pelabur-pelabur asing. Jadi, bolehkah Kerajaan mengenakan restriction atas pelabur-pelabur asing yang baru dari menghantar untungnya keluar negeri, tidak kira samada mereka mendapat taraf perintis atau tidak?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, angka yang disebutkan di dalam Laporan itu meliputi segala industri-industri dan perusahaan di dalam negara ini. Syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis merupakan satu seksi ataupun satu bahagian yang kecil dari segi keseluruhannya. Oleh itu memanglah menjadi dasar Kerajaan bahawa tiap-tiap satu industri yang berkehendakkan taraf perintis itu diberi keistimewaan disebabkan oleh syarat-syarat yang tertentu. Jadi, soal projek-projek atau industri-industri yang telah diberi taraf perintis dihadkan pengeluaran kewangannya keluar negeri tidak timbul.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mengenakan syarat kepada kilang-kilang yang sudah mendapat taraf perintis tentang harga products keluaran mereka.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kepada industri-industri yang mengekspot barang-barangnya soal harga barang tidak timbul. Tetapi kepada industri-industri di mana barangnya dijual di dalam negara ini, maka harganya hendaklah berpatutan mengikut dengan harga pasaran biasa ataupun berasaskan kepada keadaan dalam negeri ini.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang yang menjual barangnya dalam negara, bukan untuk ekspot. Bolehkah Kerajaan memerhatikan pelaksanaan syarat-syarat ini, kerana distributors kilang-kilang ini menjual 50% atau 100% lebih dari harga yang Kerajaan tetapkan?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi industri-industri taraf perintis Kerajaan tidak menetapkan harga asalnya.

HARTA PESAKA—GANTIRUGI

4. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Peguam Negara menyatakan, memandangkan kepada sara hidup yang tinggi, samada Kerajaan akan mengadakan satu Rang Undang-undang untuk menambahkan lagi hukuman bayar kehakiman tradisi yang maksima, sebanyak \$3,000 bagi kehilangan jiwa dalam kes-kes kemalangan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan hukuman bayar (award) gantirugi untuk faedah harta pesaka simati kerana hilang jangka hidup jika seorang mati oleh kerana kesalahan (tort) seorang yang lain. Gantirugi ini boleh dibenarkan menurut seksyen 8 Akta Undang-undang Sivil, 1956. Berikutan dengan keputusan suatu kes dalam Dewan Pertuanan di England, Mahkamah Rayuan kita telah membuat keputusan mengenai suatu kes dalam tahun 1962 bahawa di dalam negeri ini pada masa itu angka yang lazim (atau conventional) bagi gantirugi seperti itu kerana kematian seorang dewasa muda ialah \$3,000. Angka itu telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam suatu kes dalam tahun 1966. Suatu kajian mengenai hukuman-hukuman dalam kes-kes ini adalah menunjukkan bahawa undang-undang tidaklah diperlukan untuk menentukan angka bagi gantirugi itu. Walaupun ada angka yang lazim, hal perkara menentukan banyaknya gantirugi moleklah dibuat oleh Mahkamah-mahkamah dan terpulanglah kepada peguambela pihak-pihak yang berkenaan untuk mengemukakan hujjah-hujjah mereka dalam Mahkamah untuk menaikkan award itu memandangkan kepada belanja hidup yang tinggi. Undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada terdapat dalam mana-mana negeri seperti United Kingdom di mana angka lazim yang seumpama itu dipakai.

BEKAS POLIS DAN TENTERA— LATIHAN KEMAHIRAN

5. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa banyak bekas Polis dan Tentera menempuh kehidupan

yang susah setelah berhenti kerja. Apakah latihan persediaan yang diberi kepada mereka. Tidakkah mereka diberi latihan perniagaan sebelum mereka diberhentikan supaya mereka ada pengalaman dalam hal tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedang membuat persediaan untuk memberi kursus peralihan/latihan kemahiran kepada bukan sahaja bekas Polis yang telah bersara dan mempunyai kecenderongan di dalam bidang-bidang tertentu, bahkan kepada bakal pesara Polis. Untuk mengendalikan kursus peralihan/latihan kemahiran ini, Cawangan Hal Ehwal Bekas-bekas Polis yang baru ditubuhkan di Kementerian ini telah ditugaskan supaya membuat segala persediaan dengan kerjasama Jabatan/Badan Kerajaan berkenaan untuk memberi latihan-latihan tertentu.

Memandangkan kepada umur bakal pesara Polis dan juga bekas Polis, maka latihan yang difikirkan cukup sesuai ialah dalam bidang perniagaan dan perusahaan di mana diharapkan mereka itu nanti akan berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat perniagaan dan perusahaan yang mereka sendiri menubuhkannya di bawah kelolaan Kementerian ini. Sehingga ini Kementerian ini telah menganjurkan penubuhan Syarikat Kerjasama Pengaman (Malaysia) Berhad iaitu gabungan antara Syarikat Kerjasama Bekas-bekas Polis (Malaysia) Berhad dan Syarikat Kerjasama Polis Di-Raja Malaysia. Kementerian ini akan membimbing syarikat berkenaan menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan. Tindakan sedemikian bukan sahaja akan menambahkan pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada mereka dan tanggungan mereka, bahkan adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bekas anggota-anggota Tentera, Yang Berhormat Menteri Pertahanan akan memberi jawapannya.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini melibat juga kedudukan latihan peralihan bagi bekas-bekas perajurit tentera, saya mohon izin

memberi jawapan di atas tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian saya berkenaan dengan masalah ini.

Anggota Angkatan Tentera Malaysia yang akan tamat tempoh perkhidmatannya diberi kemudahan-kemudahan untuk menjalani latihan peralihan atau resettlement training. Pada masa dahulu tempoh latihan ini dihadkan kepada 6 bulan dan telah didapati bahawa tempoh 6 bulan itu adalah tidak mencukupi memeralatkan pelatih-pelatih dengan latihan kemahiran yang cukup yang boleh diterima oleh orang-orang yang akan mengambil mereka untuk bekerja. Jadi, masa tempoh latihan ini telah dipanjangkan selama 18 bulan sebelum bakal-bakal bekas perajurit-perajurit itu bersara daripada angkatan tentera. Di bawah latihan ini berbagai kursus seperti dalam bidang teknikal, pertanian dan juga perniagaan diadakan bagi melengkapkan anggota-anggota tersebut untuk menghadapi kehidupannya di masa hadapan. Kursus-kursus ini adalah dianjurkan oleh pihak-pihak Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan dan pusat-pusat latihan yang berkenaan serta badan-badan berkanun seperti Pusat Latihan Perindustrian, Instituti Teknologi Kebangsaan, kursus pertanian dan ternakan di Instituti Latihan Pertanian Serdang, kursus di bawah anjuran MARA, kursus dalam bidang pengurusan untuk pegawai. Bagi mereka yang memiliki tanah tidak kurang daripada 5 ekar latihan yang sempurna dalam bidang pertanian adalah diberi juga.

Satu rancangan tanah yang khas pula sedang diatur untuk melatih bakal bekas perajurit akan dibuka di Sungai Koyan kelak.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Berkenaan dengan pegawai-pegawai Polis yang berpangkat rendah yang bersara, adakah apa-apa rancangan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebelum enam bulan mereka bersara, tiap-tiap orang yang akan bersara dipanggil dan ditanya apa yang akan mereka buat selepas bersara? Jadi, dengan langkah-langkah ini Kementerian tahu aktiviti-aktiviti seseorang yang bersara. Dengan itu Kementerian boleh menolong pegawai Polis pangkat rendah bersara. Adakah apa-apa rancangan sebegini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sudah tawarkan untuk dibincangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan tadi bahawa Syarikat Kerjasama Polis telah diadakan. Saya ingin tahu adakah Kementerian ini sanggup memberi bantuan yang berupa wang untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh Syarikat Kerjasama ini atau wang yang didatangkan oleh syarikat ini sahaja?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, masalah kewangan tidak timbul kerana Syarikat Polis di-Raja Malaysia ini ada mempunyai wang berpuluh juta ringgit yang boleh dimodalkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini memberitahu Dewan, dalam rancangan wang yang ada berjuta-juta ringgit itu apakah rancangan yang akan dibuat oleh syarikat ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini adalah mengambil bahagian yang aktif dalam perniagaan dan biasanya dalam bidang perniagaan ini adalah dirahsiakan satu-satu projek itu. Dengan demikian, saya dukacita tidak dapat memberikan penerangan projek-projek yang akan dijalankan, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu hendak tahu bolehlah berjumpa dengan saya seorang sama seorang.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertahanan sedar berhubung dengan kursus yang telah dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan dengan bekas ahli-ahli perajurit iaitu selama enam bulan atau lapan bulan ini adalah tidak mencukupi. Kadangkala kita dengar kursus-kursus yang telah diberikan itu ada setengah-setengahnya tidak diberi peluang kepada swasta dan swasta tidak mahu menerima kerana kursus itu belum mencukupi. Adakah rancangan Kementerian Pertahanan, untuk bekas-bekas perajurit yang telah dan yang akan bersara ini diberi kursus lebih lanjut lagi sehingga dua tahun?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi pada masa yang lepas yang mana kita mengadakan latihan selama enam bulan, latihan yang diberikan kepada mereka itu tidak mencukupi bagi menampung keperluan, terutamanya badan-badan swasta, jadi dengan kerana itu kita telah ubahkan, kita telah panjangkan masa latihan kepada 18 bulan dan mengikut laporan yang saya terima semenjak kita mengadakan latihan sepanjang 18 bulan ini kesemua pelatih-pelatih yang dilatih itu diminta bekerja oleh badan-badan swasta, ada kalanya sebelum mereka menamatkan latihan 18 bulan itu. Saya rasa tidak perlu dipanjangkan setahun lagi selepas diadakan latihan selama 18 bulan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita telah menyatakan bahawa Kementerian ini sedang merancang satu tanah khas kerana bekas Angkatan Tentera kita. Saya hendak bertanya, adakah rancangan ini dikhaskan kepada Tentera sahaja, bolehkah dimasukkan bekas pasukan Polis atau dengan adanya ini bahawa Angkatan Tentera tidak diberi peluang lagi masuk dalam Rancangan Tanah FELDA? Peluang ini patut kita berikan kepada rakyat yang lain.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan juga tadi ini adalah satu rancangan permulaan yang pertama kali kita adakan khusus khas bagi ahli-ahli anggota perajurit Angkatan Tentera.

JALANRAYA TAWAU/SEMPORNA

6. Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa sungguhpun kerja-kerja pembinaan jalanraya di antara Tawau dan Semporna sudah siap jalan itu mulai rosak dan di setengah bahagian telah dibongkar kembali untuk diperbaiki, jika ya, apakah sebabnya dan tidakkah kerja-kerja seumpama ini membazirkan wang Kerajaan dan mendatangkan persoalan kepada rakyat.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-

Pertua, saya menyedari tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setengah-setengah bahagian jalan yang telah siap di antara batu 10½ hingga batu 11½ Jalan Tawau/Semporna itu rosak adalah kerana rendahnya mutu pekerjaan mengaspal yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor tersebut. Walau bagaimanapun kerosakan-kerosakan ini akan diperbaiki oleh kontraktor-kontraktor itu tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan tambahan dari Kerajaan. Sementara itu di setengah-setengah bahagian yang lain pula jalan-jalan itu terpaksa dibongkar semula untuk meletakkan parit-parit bawah tanah akibat daripada terdapatnya punca-punca air yang mana tidak didapati semasa menjalankan kerja-kerja mengaspal di musim kemarau. Cara ini adalah didapati sesuai dan lebih ekonomik dalam jangka panjang untuk memelihara jalan-jalan tersebut supaya dapat digunakan mengikut masa yang sepatutnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan jalan antara Tawau dan Semporna, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa jauh atau berapa batu jalan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tanya siapa? Untuk orang ramai atau untuk sendiri?

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak bertanya kepada Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk siapa hendak tahu itu. Kalau untuk sendiri boleh bertanya kemudian.

Tuan Ng Hoe Hun: Itu sebab saya hendak tahu. Kalau saya tidak bertanya, saya tidak tahu. Sebab saya hendak tahu, saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tetapi itu soalan yang bukan-bukan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan lain dan saya minta maaf tidaklah saya dapat menyimpan record dalam kepala saya semua panjang-panjang jalan yang ada di negara kita ini, tetapi saya tahu apa yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan berapa panjang jalanraya daripada Tawau

ke Semporna, bolehlah saya beritahu dalam setengah jam dari sekarang, kalau diberi notis kepada saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah jalan itu dibuat oleh kontraktor atau dibuat oleh J.K.R.?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini sudahpun saya jawab tadi. Saya katakan bahawa jalan yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabah tadi adalah dibuat oleh kontraktor dan saya katakan sebabnya jalan ini didapati rosak adalah kerana kerja kontraktor itu tidak begitu baik, jadi sudah rosak. Walaupun begitu kontraktor ini sudah diberitahu untuk memperbaikinya dengan tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan daripada kita lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tadi Yang Berhormat Menteri kata jalan ini dibina oleh kontraktor, adakah betul? Saya tidak berapa dengar.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Betul.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih.

GURU-GURU—KEKURANGAN

7. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran, memandangkan kenyataan beliau di dalam menjawab pertanyaan seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara pada bulan Ogos, bahawa kekurangan guru-guru pada tahun 1974 ialah 10,000 orang menyatakan:

- (a) berapakah kekurangan guru-guru yang dianggarkan di Sarawak;
- (b) adakah Kerajaan akan melatih sebilangan besar guru-guru tidak terlatih yang sekarang ini berkhidmat di sekolah-sekolah rendah luar bandar di Sarawak, memandangkan kepada perkhidmatan dan pengalaman mereka yang lama; dan
- (c) samada lebih banyak lagi yayasanyayasan latihan perguruan akan dibina di Sarawak atau yayasanyayasan yang ada hari ini diperluaskan untuk menyerap lebih banyak lagi guru-guru pelatih.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perenggan 17 kepada Lapuran "Inter-Governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di Negeri Sarawak adalah di bawah kelolaan Kerajaan tersebut. Oleh yang demikian sepatutnya soalan-soalan ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Walaupun demikian, mengikut maklumat yang diberikan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan itu adalah seperti berikut:

- (a) 58 guru-guru berijazah untuk sekolah-sekolah menengah atas. Buat masa ini kekurangan ini ditampung oleh guru-guru berkelulusan Higher School Certificate. Tidak ada kekurangan guru di peringkat sekolah menengah rendah dan sekolah rendah.
- (b) Ya.
- (c) Tidak. Maktab-maktab Perguruan baru tidak akan dibina buat masa ini kerana maktab-maktab yang sedia ada iaitu Maktab Perguruan Batu Lintang, Maktab Perguruan Rajang dan Maktab Perguruan Sarawak adalah memadai untuk melatih guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Maktab Perguruan Sarawak masih boleh menampung lebih ramai pelatih-pelatih jika diperlukan. Guru-guru berijazah untuk sekolah menengah atas adalah dilatih di Semanjung Malaysia dan seberang laut.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

8. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan apakah rancangan yang beliau hendak laksanakan menerusi Pertubuhan Peladang untuk mengatasi kesulitan petani-petani hendak menjayakan hasil mereka dengan adanya kenaikan harga keperluan-keperluan pertanian seperti baja.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat sahabat saya itu, usaha-usaha sedang dijalankan oleh Lembaga

Pertubuhan Peladang bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang, terutama di dalam bidang pembekalan baja-baja, benih-benih, jentera-jentera dan lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh peladang bagi menjayakan tanaman-tanaman mereka.

Sungguhpun harga barang-barang yang diperlukan oleh peladang-peladang seperti baja telah meningkat naik, beberapa langkah sedang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan bagi mengusahakan pertanian. Di antaranya ialah bagi menggalakkan Pertubuhan Peladang membeli baja secara besar-besaran iaitu belian terus dari kilang-kilang pengeluaran. Di samping itu Pertubuhan Peladang digalakkan mengeluarkan benih-benih sendiri yang diperlukan oleh ahli-ahlinya dengan mengadakan pitak-pitak semaian di tiap-tiap kawasan Pertubuhan Peladang. Pertubuhan Peladang juga digalakkan memberi kredit dari Bank-bank Pertanian dengan kadar faedah yang lebih rendah dari Bank-bank Perniagaan. Lembaga ini juga memberi modal pusingan kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk memberi dan mengendalikan kenderaan-kenderaan dan jentera-jentera pertanian supaya dapat menurunkan harga sewa bagi lori-lori dan jentera-jentera ladang.

Dengan langkah-langkah ini dijangka akan dapat mengurangkan sedikit-sebanyak masalah-masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang dan dapat menurunkan perbelanjaan petani serta perkhidmatan yang diperlukan oleh peladang-peladang. Selain daripada itu, Lembaga ini sedang membuat kajian kemungkinan bagi mengadakan kilang-kilang baja dengan usaha bersama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS dan lain-lain badan untuk kemudahan peladang-peladang.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini adakah benar bahawa Kerajaan sudah berhenti memberi pertolongan baja kepada petani-petani iaitu fertilizer subsidy scheme dalam tahun 1970. Kalau sudah berhenti, sebab apa, dan bolehkah sekiranya ini diadakan semula.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan ini, sebenarnya pihak

Kementerian Pertanian dan Perikanan ada mempunyai memberi subsidi kepada petani-petani, terutama bantuan tanaman ladang. Peruntukan telah disediakan bagi bantuan tanaman ladang ini adalah sebanyak \$2.9 juta dan subsidi bagi bantuan kelapa ialah sebanyak \$3.1 juta dan juga kepada subsidi tanaman padi sekali setahun juga telah disediakan oleh Kerajaan, tetapi yang dua kali setahun telah diberhentikan, sebab bantuan ini telah diberi selama 15 tahun yang lalu.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan masih ada petani-petani yang miskin dan oleh kerana harga baja-baja sudah naik lebih kurang 50%, ramai petani-petani yang susah, oleh kerana itu, bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk memberi subsidi lagi walaupun Kerajaan sudah beri subsidi selama 15 tahun. Kalau tidak, bolehkah Kerajaan mengambil satu langkah memberi pertolongan ataupun pinjaman kepada petani-petani yang betul-betul menanam padi dan beli beras mereka untuk adjust against the loan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan kemudahan kredit memang ada apabila petani-petani itu memasuki Pertubuhan Peladang, maka kita boleh aturkan soal pinjaman-pinjaman.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk mendirikan kilang baja urea di samping baja kimia untuk menolong petani-petani, khususnya petani-petani yang menanam padi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Boleh ulang sekali lagi, saya tak berapa dengar.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang di samping membina kilang baja kimia, membina juga kilang baja urea, sebab kilang baja urea ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar sudah hampir 10 tahun hendak didirikan, tetapi sampai sekarang ini tak juga didirikan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Perkara ini juga sedang di dalam soal kajian.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi pihak Kerajaan hendak menjayakan hasil peladang-peladang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun kepada pihak yang bertanggungjawab sesudah dibantu membeli trekter, baja dan sebagainya, maka hasil daripada tanah itu adakah pasaran-pasaran yang tertentu akan diberi kepada peladang itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Lembaga Pertubuhan Peladang ini memang akan dirancangan tiap-tiap satu kawasan Pertubuhan Peladang akan diistiharkan sebagai kawasan kemajuan pertanian. Di dalam kawasan kemajuan pertanian inilah, maka pertubuhan ini akan memasukkan pegawai-pegawai daripada FAMA dan lain-lain daripada agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai hubungan dengan pertanian untuk mengaturkan soal pemasaran-pemasaran daripada kawasan-kawasan peladang ini. Ini memang sedang disusun dan di dalam rancangan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa sebarang pinjaman yang diberi oleh pihak Bank Pertanian kepada peladang-peladang pinjamannya itu mesti dibayar balik dalam tempoh setahun, tidak seperti commercial bank dalam tempoh 3 tahun.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ini mengikut kemampuan peladang-peladang sendiri boleh diaturkan samada hendak dibayar setahun sekali ataupun mengikut musim pengeluaran petani itu boleh disusun dan diaturkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan Kerajaan tidak ada mendirikan kilang urea. Saya hendak bertanya syarikat-syarikat lain adakah mendirikan kilang urea di negeri kita.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tak berapa jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tanya lagi. Kerajaan Malaysia tidak ada kilang memproses baja urea, tetapi adakah syarikat-syarikat lain di negeri kita memproses baja urea.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Perkara ini saya hendak membuat kajian dahulu dengan kilang-kilang yang lain ada atau tidak, sebab ini bukan tanggungjawab Kementerian.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah salah dengar. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan di negeri kita tidak ada kilang baja, tetapi saya sendiri tahu di negeri kita iaitu di Petaling Jaya ada kilang baja urea. Saya tak mengerti, itu sebab saya bertanya. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kilang baja memang ada, tetapi soal yang ditanyakan tadi kilang urea, dan kalau Ahli Yang Berhormat ini sudah tahu mengapa yang sebok bertanya dalam Dewan ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya dengar beliau berkata tadi tidak ada, tetapi saya kata ada, itu sebab saya minta penjelasan. Adakah beliau tahu ataupun tidak tahu?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijelaskan kilang urea itu tidak ada, tetapi kilang baja ada.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya sokong (Ketawa).

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa sedar bahawa di dalam menggunakan mesin-mesin yang moden untuk mengetam padi, tidak dapat digunakan oleh petani-petani oleh kerana dia tak dapat turun di dalam pitak-pitak yang berlumpur. Apakah cara atau usaha pihak yang berkenaan untuk memodenkan lagi alat-alat itu supaya dapat digunakan oleh petani-petani.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal mesin boleh turun ataupun tak boleh turun ini

adalah mengikut keadaan tanah. Barangkali tanah di Kedah lain, tanah di Selangor lain, tanah di Kelantan lain. Oleh kerana ini soal hendak memodenkan mesin ini bukanlah tanggungjawab Kementerian ini, tetapi adalah daripada kilang yang membuat mesin itu, kalau mereka ingin laku, maka dia akan membuat mesin yang sesuai dengan keadaan tanah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka sehingga hari ini sudah 16 tahun, pada hari ini baru-lah ada nampaknya Kerajaan hendak memasarkan hasil-hasil orang kampung. Sesudah orang-orang kampung menanam di daerah-daerah, sekarang sudahkah Kerajaan mengadakan pasaran pusat, baik di Kuala Lumpur atau di tiap-tiap negeri untuk menampung hasil-hasil orang kampung. Sudahkah siap atau belum?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Soal pasaran ini sudah saya jawab tadi. Saya harap Ahli Yang Berhormat ini faham apa yang saya katakan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Itu di daerah sahaja ada jawatankuasa-jawatankuasa daerah yang saya faham tadi, sebab itu saya tanya, saya hendak faham lagi, sebab orang ini kalau tidak faham, hendak faham lagi. Dengan sebab itu sudah adakah sekarang pasaran besar atau pasaran pusat baik di Kuala Lumpur ataupun di tiap-tiap negeri, kerana sekarang petani sudah dapat baja, dapat tractor, dapat itu dan dapat ini, barangkali 6 bulan lagi akan mengeluarkan hasil. Sudah ada atau belum pasaran-pasaran bagi menampung hasil mereka itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Apa yang saya sebutkan kita akan buat pasaran ini melalui kawasan-kawasan kemajuan pertanian. Ini adalah diatur daripada pusat yakni penyelarasan daripada pihak L.P.P. kepada FAMA, kepada semua agensi-agensi pertanian daripada peringkat pusat akan diturunkan ke peringkat daerah-daerah untuk mendapatkan pasaran. Jadi pada masa ini memang Kerajaan tidak memberi, tetapi kita akan memasarkan, menyalurkan di mana pasaran-pasaran yang lebih baik untuk hasil-hasil pertanian. Kerajaan memang tidak ada membeli hasil pertanian ini

dengan secara direct. Biasanya memang tidak ada, tetapi kita akan mengaturkan dan menyusun.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa sebarang pinjaman yang diberi oleh pihak Bank Pertanian ini dapat diatur tentang pembayarannya. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa pengusaha-pengusaha tembakau di negeri Trengganu telah membuat pinjaman wang daripada Bank Pertanian ini dan pihak Bank Pertanian memaksa pengusaha-pengusaha tembakau itu mesti membayar balik dalam tempoh setahun, dan pihak pengusaha tembakau di Trengganu merasa dukacita, sebab mereka memulakan perusahaan itu dan mungkin mereka akan meninggalkan pinjaman daripada Bank Pertanian ini dan akan berunding dengan pihak commercial banks.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, masalah tembakau ini dia ada lembaganya sendiri. Saya percaya kalau dapat dirundingkan dengan Lembaga Tembakau Negara masalah pinjaman ini tidak ada masalah yang sulit, boleh diatasi dan dirundingkan bagaimana untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh petani-petani yang menanam tembakau di Trengganu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedar bahawa telah diedarkan kepada peladang-peladang kita baja tipu yang menyebabkan baja dibubuh itu bukan pokok itu subur, tetapi menyebabkan pokok yang ditabur baja itu musnah. Adakah Kementerian ini sedar? Kalau sedar, sudah siasat ataupun belum berhubung dengan baja ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Saya tidak sedar, soal ini baru saya dengar pada hari ini. Kalau dapat Yang Berhormat memberi keterangan yang lebih jelas barangkali saya boleh meminta Pegawai Pertanian menyiasat semula apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya fikir masaalah itu telah ditimbulkan dalam akhbar kita. Maka dengan keadaan Kementerian ini tidak sedar, maka kurang cekaplah dalam Jabatan Pertanian ini untuk mengikuti perkembangan berhubung dengan baja-baja yang diedarkan dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa. Adakah minta pengakuan yang dia kurang cekap?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Bukan Menteri yang kurang cekap. Dalam Jabatan Kementerian ini kurang cekap menengokkan perkembangan baja yang diedarkan kepada peladang-peladang kita. Jadi kalau Kementerian tidak sedar, bahawa pegawai-pegawai dalam Jabatan ini kurang cekap. Soalnya, adakah Kementerian ini sedar sungutan yang didatangkan oleh peladang-peladang kita yang mendapat baja tipu, apabila dibubuh baja itu tanamannya bukan subur, tetapi mati. Jadi kalau Kementerian ini tidak sedar dan perkara ini telah disiarkan dalam akhbar menunjukkan pegawai-pegawai Kementerian ini kurang cekap dalam meneliti perkembangan baja-baja dan kemajuan pertanian kita dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sifatkan itu bukan soalan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan tadi bahawa pasaran sedang disusun, dan hasil keluaran yang lalu masih belum dibeli lagi. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa akan berlaku perlakuan ataupun competition di antara Persatuan Peladang dengan peniaga-peniaga bebas di mana mereka tidak gemar membeli hasil pengeluaran daripada petani-petani yang duduk di bawah Persatuan ini bahkan mereka lebih suka membeli secara bebas. Apakah rancangan yang dibuat supaya kejadian-kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi. Saya beri contoh, tanaman nenas tidak ada orang mahu beli, tanam terung tidak ada orang hendak beli, tanam tembikai tidak ada orang hendak beli, dan di Trengganu tanam jagung tidak ada orang

hendak beli. Apakah rancangan yang sedang dibuat untuk menghilangkan bagi kejadian yang tersebut.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal suka beli atau tidak suka beli tidak bangkit. Sebenarnya soal murah ataupun soal berpatutan, ini yang selalu bangkit. Tidak ada orang yang tidak suka beli kalau orang itu betul-betul hendak berniaga, cuma soal harganya berpatutan ataupun tidak. Ini sahaja yang akan diaturkan oleh Lembaga ini. Jadi oleh kerana itu saya fikir tidak berbangkit. Orang yang tidak mahu beli langsung itu tidak ada. Kalau sekiranya orang ini hendak berniaga, mesti dia mahu beli. Tetapi soal harganya patut ataupun tidak. Ini yang kita hendak atur.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Berdasarkan apa yang telah terjadi biasanya pengeluaran daripada petani ini ditawarkan dengan harga yang lebih murah. Jadi, menyebarkan kaum tani ataupun penanam-penanam ini berasa rugi benar kalau dia hendak menjualkan barang-barang keluarannya. Apakah tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat itu supaya pada masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Inilah seperti yang saya sebutkan tadi hendak mengadakan A.D.C. ataupun kawasan kemajuan pertanian ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Saya bercakap soal MUDA oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kawasan Perairan Muda 99% daripada kawasan Perairan Muda itu mesin untuk mengetam padi yang ada sekarang ini tidak dapat masuk ke bendang dan tidak dapat mengetam padi oleh kerana keadaan tanah di situ, dan adakah pihak Kementerian telah menjemput pengusaha-pengusaha kilang mesin dari negeri Jepun, Russia atau di mana-mana juga untuk mencuba bagaimanakah supaya kita dapat memodenkan pengambilan padi ini dengan secara mesin untuk menjagakan hasil padi kita pada masa ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Saya minta Ahli Yang Berhormat

itu kalau bertanya masalah MUDA, tolong beri notis supaya saya boleh menjawabnya.

LEMBU DIBAHAGIKAN KEPADA PENTERNAK

9. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) jenis-jenis lembu yang dibahagikan kepada orang ramai oleh Kerajaan melalui Pertubuhan Peladang dan orang-orang perseorangan; dan
- (b) samada lembu-lembu ini adalah jenis tempatan atau luar negeri.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembu-lembu yang dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak dan kepada peserta-peserta Persatuan Peladang adalah dari jenis lembu kacukan Kedah/Kelantan dan juga dari jenis LID.

Lembu-lembu ini adalah diberikan untuk ternakan dengan cara pawah dan bilangan yang diberi tiap-tiap tahun dianggarkan sebanyak lebih kurang:

- (a) jenis lembu Kedah/
Kelantan 1,000 ekor;
- (b) jenis lembu LID 500 ekor

- (b) Lembu-lembu yang dibahagi-bahagikan seperti tersebut di atas ini adalah lembu tempatan ataupun lembu-lembu dari hasil kacukan, lembu-lembu yang dibawa dari luar negeri dengan lembu-lembu tempatan.

Lembu yang dibawa dari luar negeri oleh Kerajaan tiada diberikan kepada orang ramai.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian sedar iaitu ada juga lembu-lembu yang diberikan oleh Kerajaan kepada penternak-penternak hilang? Kalau begitu apakah langkah Kerajaan ambil atas penternak-penternak yang menghilangkan lembu-lembu itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau hilang maka tuan lembu ini kenalah cari sampai dapat dan kalau tidak dia kena report kepada polis, sebab tiap-tiap pembawa ini ada membuat Perjanjian dengan Pegawai Haiwan tempatan.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya berkenaan dengan pemberian lembu ini:

- (1) adakah di bawah sistem Pawah.
- (2) mengapa diberi lembu betina sahaja.
- (3) berlaku dalam kawasan saya.

Seorang ahli telah dapat lembu betina, 6 tahun tak beranak. Tiga empat kali dia telah pergi ke Pejabat Haiwan, tak beranak juga. Akhirnya dijenjek (cara permanian beradas). Apakah yang boleh Tuan Setiausaha Parlimen buat pada lembu mandul itu? (*Ketawa*) Bolehkah dipulangkan balik, beri lembu yang tak mandul, atau bolehkah beri sugu hati kerana selama 6 tahun orang ini membelanya. Tiap-tiap hari lembu itu balik kampung, diberi makan, sinpan balik, tak beranak-beranak juga. Itu tiga soalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, lembu yang diberikan ini memang banyak, tetapi kebanyakannya tidaklah begitu mandul sangat sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Barangkali ada satu-satu kejadian, maklumlah lembu pun makhlok Tuhan juga. Ini adalah hasil daripada usaha memelihara lembu itu. Dia kena cari lembu jantan yang bagus sedikit. Kalau dia dapat lembu jantan yang tak mahu dia beranak, dia kena cari lembu jantan yang lain. Jangan ditunggu itu sahaja. Sebab Pegawai-pegawai Haiwan memberi lembu ini adalah lembu pilihan terutama lembu Kedah dan Kelantan. Ini biasanya cukup bagus keturunannya. Jadi saya tak begitu faham. Kalau betul ada berlaku begitu cepat beritahu dengan Pegawai Haiwan dalam daerah untuk diberi nasihat dan diperiksa balik betulkah mandul ataupun ditukar atau dengan cara mana sekalipun. Ini boleh diaturkan.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Soalan Tambahan. Memang Pegawai Haiwan Tempatan itu telah dijumpai. Sekarang

bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan memberi jaminan beri bapa yang bagus?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Boleh diaturkan melalui Pegawai Haiwan Negeri. Kita akan aturkan, sebab kita pun banyak memberi bapa-bapa yang bagus.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah ditanya tadi orang-orang yang telah mendapat lembu pawah ini dibawa ke hulu ke hilir. Dapat lembu kurus. Saya minta bolehkah pada masa yang akan datang, sebelum lembu-lembu itu diberi kepada orang-orang kita di kampung-kampung, biarlah diperiksa dahulu supaya jangan lembu yang tinggal tulang sahaja diberi. Bolehkah diberi jaminan atas perkara ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, biasanya Kementerian ini memberikan baka-baka lembu daripada lembu yang baik yang difikirkan tidak ada mengandungi penyakit. Sebab kita tak mahu orang ramai terpedaya membela lembu sebulan dua, kemudian mati, ataupun mandul sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Ini memang biasa. Kita kaji lebih dahulu. Kalau ada kejadian yang semacam itu, saya berharap Yang Berhormat tolonglah beri tahu Pegawai Haiwan yang berhampiran di situ supaya kita dapat memeriksanya. Memang kalau ada satu yang kurus, barangkali pada mulanya gemuk sedikit. Bila dibela oleh pembawa itu agaknya jadi kurus. Ini kerana malas orang yang membela itu, tak mahu diberi makan cukup. Ini boleh jadi juga.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Adakah dasar Kerajaan pada masa yang akan datang tidak lagi memberi lembu-lembu kepada orang perseorangan, tetapi Kerajaan memberi lembu baka yang cukup baik kepada syarikat kerjasama atau kepada Pertubuhan Peladang sahaja, oleh kerana terjadi pergaduhan antara orang kampung sesama sendiri. Adakah dasar Kerajaan memberi lembu ini tidak lagi kepada perseorangan oleh kerana tak ada tempat membelanya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Inilah yang sangat digalakkan oleh

Kerajaan melalui pertubuhan-pertubuhan yang macam itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Jikalau hendak bela lembu mesti ada ladang rumput. Adakah Kerajaan Malaysia mempunyai satu rancangan menanam ladang rumput? Jikalau ada, apa jenis rumput itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi pihak Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membiakkan lembu ini beberapa kawasan ladang akan dibuat oleh badan yang dinamakan MAJUTERNAK. Ini memang akan dibuat, banyak tempat akan dibuat seperti di Berang Perak, di Kluang, di Air Hitam, di Padang Hijau Jelai, Gemas, Teresat di Trengganu dan juga Bukit Peninjau di Sarawak. Ini memang sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

(1) adakah jenis-jenis lembu itu cukup kuat dan tahan lasak untuk digunakan bagi membajak sawah dalam rancangan dua tiga kali setahun yang dibuat oleh Kerajaan sekarang ini?

(2) sudah menjadi masalah dalam kampung berkenaan dengan pembahagian lembu-lembu ini sekiranya lembu itu beranak, anak kepada lembu itu anak siapa? Ini menjadi masalah kadang-kadang jadi bergaduh dalam kampung.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Anak lembu pawah itu, ialah anak lembu yang dipawahkan, anak siapa lagi?

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sebodoh macam itu. Memanglah anak lembu itu, bukan anak Datuk Mustapha. (*Ketawa*). Takkan anak lembu itu anak Setiausaha Parlimen. Jadi yang saya tanya, anak lembu yang dipawah itu, adakah menjadi hak tuan yang membela ataupun hak Kerajaan. Selalu dan seringkali terjadi kalau ada beranak lembu-lembu yang telah dipawahkan kepada orang kampung itu, pegawai-pegawainya datang mengheret keluar anak lembu itu diberikan kepada orang lain. Ini soalnya. Itu soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soal satu-satu dahulu. Yang kedua itu kemudian!

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Biasanya apabila kita berikan lembu betina, kemudian beranak, maka anak itu diserahkan kepada Kerajaan, ibunya kita berikan kepada orang yang memawah. Jadi sesudah diserahkan kepada Kerajaan, Kerajaan hendak memberi kepada orang lain terpujalah kepada Kerajaan sendiri.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, selalu dan biasa terjadi dalam kampung. Dalam pembahagian lembu kepada orang kampung itu kadangkala pihak jabatan membeli lembu-lembu di sebelah kampung sana dan membahagikan lembu itu di kampung yang sebelah sini, jadi lembu-lembu tempatan juga. Adakah pada fahaman pihak Kementerian lembu-lembu yang dibagi itu cukup kuat, baik, sesuai dengan pembelaan yang dikehendaki oleh dasar Kerajaan sekarang ini untuk membiakkan lembu yang baik kepada orang ramai?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Memanglah biasanya dihantarkan daripada pusat-pusat ternakan daripada Kerajaan sendiri tetapi ada kalanya apabila kita kehabisan benih-benih lembu yang baik, kita terpaksa juga beli daripada orang kampung asalkan lembu itu baik, tahan lasak, tahan penyakit dan difikirkan boleh menguntungkan, maka kita beli, kita berikan kepada orang kampung. Ini kita kaji lebih dahulu dan kita siasat baka lembu itu. Pegawai-pegawai Haiwan sendiri akan menyiasat, baru kita serahkan kepada orang kampung.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah pihak Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar dalam masaalah pembahagian lembu itu kerana ada setengah-setengah tempat itu ibu lembu itu daripada kacukan antara Siam dengan Kedah. Tetapi ada pula lembu jantan dibawa daripada India, jenis Benggala, jadi tidak padan. Dengan sebab tidak padan antara ibu lembu dengan bapa lembu itu, maka menyebabkan campuran itu kadangkala tidak terbawa oleh ibu lembu itu, kadangkala boleh jadi mandul dan kadangkala boleh merosakkan rahim lembu itu. Apakah tindakan atau penyelesaian daripada Kementerian supaya dapat memberikan ibu lembu dengan bapa lembu

itu supaya sama seimbang pada masa akan datang? (*Ketawa*).

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan baka-baka lembu yang kita bawa daripada luar negeri tidak ada yang datang daripada Siam, tetapi kebanyakannya kita bawa datang dari Australia dan juga daripada Amerika, dan lembu-lembu itu betullah besar, tetapi dia boleh mengeluarkan kecukan yang baik. Berkenaan lembu-lembu baka ini, kalau kita serahkan kepada orang-orang kampung yang pertama sekali harganya mahal di antara \$1,500 hingga \$2,000 bagi seekor lembu. Dan keduanya, soal penyakit lembu, mereka itu tidak faham, kena jaga makanan dan kesihatannya. Jadi masaalah apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul oleh kerana daripada segi prektikal yang dijalankan oleh Kementerian ini adalah berjalan dengan baik dan lembu-lembu yang sedang biak pada hari ini di seluruh negara adalah hasil daripada penyiasatan Jabatan Haiwan.

PENKALAN TENTERA UDARA AMERIKA

10. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada benar bahawa Pengkalan Tentera Udara Amerika Syarikat akan didirikan di Pantai Timur Malaysia?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak benar.

SODIUM ARSENITE

11. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada lesen untuk menggunakan sodium arsenite telah diberikan kepada Syarikat Gula Perak, dan jika ya, nyatakan:

- (a) bilakah lesen itu diberi;
- (b) berapa banyak sodium arsenite yang telah digunakan; dan
- (c) untuk apakah sodium arsenite itu digunakan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan 11, saya hendak beritahu iaitu ada sedikit ejaan salah, bukan

“sodium arsenite” namanya yang sebenar ialah “sodium arsenate”, jadi ejaan dalam soalan itu adalah salah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lesen atau kebenaran telah dikeluarkan kepada syarikat Gula Perak bagi menggunakan Sodium Arsenite.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sodium arsenite tidak ada lesen, tetapi saya tahu sodium arsenate ada diberi lesen. Adakah diberi lesen kepada Syarikat Gula Perak yang menggunakan sodium arsenate?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, saya minta notis.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Macammana pula soalan itu soalan lain?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. Menteri kata itu soalan lain dan saya terima.

Tuan Ng Hoe Hun: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

MAS—PEKERJA BUMIPUTRA

12. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan pekerja-pekerja mahir di dalam MAS dan jenis latihan yang diberi kepada Bumiputra untuk menambahkan bilangan mereka di masa hadapan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Bilangan pekerja-pekerja mahir Bumiputra dalam Syarikat MAS ialah 1,006 orang, dan bilangan pekerja-pekerja mahir Bumiputra dalam bahagian teknikal termasuk juruterbang-juruterbang ialah 504. Syarikat MAS telahpun melancar rancangan latihan untuk menambah lagi bilangan-bilangan Bumi-

putra dan rancangan latihan itu ialah sebagaimana berikut:

1. Latihan Juruterbang

Jurulatih-jurulatih Bumiputra dihantar keluar negeri ialah Sydney untuk dilatih sebagai juruterbang. Pihak MARA telahpun juga menghantar pelatih-pelatih itu ke Philipina dan Indonesia dan pihak MAS telahpun memberi jaminan untuk mengambil mereka sebagai pekerja-pekerjanya.

2. Latihan Jurutera Kapal terbang

Jurulatih-jurulatih Bumiputra telahpun dihantar ke Australia untuk dilatih sebagai jurutera kapal terbang. Pelatih-pelatih Bumiputra adalah juga diberi latihan di Sekolah Latihan Teknik RMAF di Kinrara untuk dilatih sebagai jurutera kapal terbang. Pihak MARA telahpun juga menghantar jurulatih-jurulatih seumpama itu ke Australia dan pihak MAS telahpun memberi jaminan untuk mengambil mereka sebagai pekerja-pekerjanya.

3. Latihan Dalam Kerja

Pekerja-pekerja Bumiputra dalam Syarikat MAS adalah juga diberi latihan dalam masa pekerjaan supaya mereka dapat mencapai kemahiran untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam Syarikat.

4. Pelatih Pengurusan

Bumiputra-bumiputra yang berijazah telahpun dilantik sebagai Pelatih Pengurusan untuk memegang jawatan dalam bidang pengurusan di setiap lapisan pentadbiran Syarikat MAS.

LESEN TEKSI

13. Tuan Chan Siang Sun minta Menteri Perhubungan menyatakan kriteria dalam meluluskan lesen-lesen teksi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara-perkara yang ditimbangan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk meluluskan permohonan teksi ialah:

- (i) kekosongan di tempat yang dipohonkan;

- (ii) pemohon hendaklah tinggal di pengkalan teksi itu;
- (iii) mempunyai modal yang cukup;
- (iv) mempunyai lesen memandu teksi dan keutamaan diberi kepada bekas perajurit dan anggota keselamatan.

MENDUDUKI TANAH HARAM

14. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar tentang tindakan keras, bongkak dan sombong setengah-setengah pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Tanah terhadap orang-orang yang menduduki atau mengusahakan tanah-tanah haram seperti tanah lombong, dan jika ya, apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai-pegawai ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Saya ada juga menerima aduan dari setengah-setengah pihak tentang tindakan keras yang dilakukan oleh satu dua pegawai-pegawai Kerajaan sewaktu menghadapi mereka yang menduduki atau mengusahakan tanah-tanah Kerajaan secara haram; akan tetapi amatlah sulit untuk mencari bukti yang jelas mengenai tuduhan itu.

Saya sedar bahawa semasa menjalankan tugas-tugas mereka yang rumit itu tentu sekali terdapat satu atau dua pegawai yang telah bersikap lebih agresif daripada apa yang lazimnya dan jika yang tidak berpuas-hati dengan tindakan itu bolehlah membuat aduan kepada Pegawai-pegawai Daerah atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan tidaklah menyokong sebarang perbuatan yang menyalahi peraturan dan undang-undang.

KESATUAN-KESATUAN SEKERJA— PENUBUHAN

15. Tuan Chan Fu King minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membantu pekerja-pekerja yang bergaji rendah menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja mereka sendiri; jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Adalah dasar Kerajaan menggalakkan penubuhan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang bercorak demokratik dan yang bersikap bertanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan dengan maksud itu manakala ada pekerja-pekerja dari pendapatan kecil hendak menubuhkan kesatuan mereka, Kementerian saya senantiasa bersedia memberi mereka pertolongan yang sewajarnya.

SEKOLAH UGAMA RAKYAT— MENAMBAHKAN BANTUAN

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kenaikan yang tinggi dalam harga barang-barang keperluan samada Kerajaan akan menimbang meng-gandakan kadar bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Sekolah Agama Rakyat bukanlah di bawah kelolaan Kerajaan Pusat. Walaupun demikian Kementerian Pelajaran ada memberi bantuan untuk menampung perbelanjaan pengelolaan sekolah-sekolah itu dan kemungkinan menambahkan bantuan ini adalah dalam pertimbangan.

Oleh kerana soal agama adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan untuk memberikan bantuan.

KENAIKAN HARGA BARANG

17. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan enggan mengakui hakikat bahawa harga barang-barang telah naik di seluruh dunia dan tidak akan turun lagi dan bukan dengan menyuruh rakyat supaya jangan membeli rumah sekarang ataupun memulaukan kedai-kedai yang menjual barang-barang dengan harga yang tinggi.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Soalan yang sama telah beberapa kali ditimbulkan

dan telah juga beberapa kali diterangkan dengan detailnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan ini. Oleh itu, saya tidak bercadang hendak mengulang ataupun menambah kepada apa-apa yang telah dinyatakan.

PEKERJA PERINDASTRIAN— GAJI BERPATUTAN

18. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja kilang, khususnya pekerja-pekerja wanita dan pekerja-pekerja dalam perindustrian-perindustrian perintis menerima gaji yang berpatutan dan sesuai dengan kenaikan sara hidup sekarang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Bila-bila sahaja diterima laporan yang terdapat gaji yang agak rendah di mana-mana tempat pekerjaan yang tertentu, tidak mengira samada di perusahaan perintis ataupun kadar gaji tersebut hanya melibatkan pekerja-pekerja perempuan, Kementerian saya menggesa majikan berkenaan memperbaiki kadar gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerjanya. Dalam beberapa minggu yang lepas, majikan-majikan telah digesa membayar elaun-elaun bantuan khas kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah untuk mengurangkan akibat kenaikan harga. Di mana pekerja-pekerja mempunyai kesatuan, sudah tentulah kadar gaji mereka ditetapkan melalui perundingan bersama. Menaikkan gaji sahaja tidak akan dapat memperbaiki keadaan. Setiap warganegara mempunyai tanggungjawab moral dan tugas menentukan yang pelbagai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan barang-barang mendapat kejayaan.

PENTADBIRAN TANAH

19. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan:

(a) jumlah ekar tanah yang telah diberi

dan diluluskan untuk dipajak bagi tujuan pertanian di semua negeri-negeri terutama di negeri Perak; dan

(b) samada langkah-langkah sedang diambil untuk menggunakan tanah-tanah lombong yang tidak dipakai lagi serta terbiar untuk dijadikan kampung-kampung baru di negara ini serta mengurangkan kesesakan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Sebagaimana yang diketahui pentadbiran tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Hanya Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan mempunyai rekod keluasan tanah yang telah diluluskan untuk pertanian atau lain-lain kegunaan dan demikian juga soalan menggunakan bekas tanah lombong sebagai kawasan-kawasan kediaman.

Saya fikir bijak bagi Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan soalan-soalan tersebut di Persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Bagi negeri Perak yang nampaknya diutamakan saya tidak nampak apa-apa kesulitan untuk mengemukakan soalan-soalan itu di Persidangan Dewan Undangan Negeri sebab Ahli Yang Berhormat itu juga menjadi seorang Ahli.

RANCANGAN FELDA

20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

(a) samada rancangan FELDA hendak menambahkan keluasan tanah kepada tiap-tiap seorang peserta sebanyak empat ekar tanah kelapa sawit dan dua ekar tanah getah itu hanyalah dicadangkan khusus kepada rancangan pembukaan tanah baru ataupun meliputi keseluruhan rancangan-rancangan yang sedia terbuka; dan

(b) bila dan di mana rancangan FELDA hendak menempatkan peserta-peserta di satu kawasan perbandaran pusat akan dilaksanakan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:

(a) Rancangan FELDA untuk menambahkan keluasan tanah kepada tiap-tiap

seorang peserta sebanyak empat ekar tanah untuk kelapa sawit dan dua ekar tanah untuk getah itu hanya dicadangkan kepada peneroka-peneroka rancangan-rancangan yang dibuka dalam tahun 1972 dan selepasnya. Apabila rancangan ini dimulakan seseorang peneroka di rancangan-rancangan baharu itu akan menerima empat belas ekar untuk ladang kelapa sawit atau dua belas ekar untuk ladang getah.

- (b) penempatan peneroka-peneroka FELDA di bandar pusat pertama kalinya telah dibuat dalam rancangan-rancangan FELDA di Pahang Tenggara. Rancangan-rancangan seperti ini juga akan dijalankan di kawasan-kawasan lain yang difikirkan sesuai.

KEBUDAYAAN MALAYSIA

21. Tuan V. David minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) difinasi "KEBUDAYAAN MALAYSIA";
- (b) samada Kebudayaan Malaysia ini berdasarkan kepada kebudayaan-kebudayaan dari berbagai kaum di negeri; dan
- (c) samada Kerajaan telah meneliti semua rancangan Talivisyen Malaysia dan Radio Malaysia dengan menyediakan masa yang cukup untuk kebudayaan dari berbagai bangsa untuk mencerminkan berbilang bangsa dan masyarakat yang berbilang agama.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):

- (a) & (b) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perutusan Hari Kebangsaan baru-baru ini, iaitu pada 30hb Ogos, 1973 yang disiarkan melalui Radio dan Talivisyen Malaysia telah memberi difinasi yang jelas mengenai Kebudayaan Malaysia. Antara lain-lain:

" kita sudahpun mempunyai garis-garis panduan yang nyata iaitu kebudayaan Malaysia hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kebudayaan

rakyat asal rantau ini adalah menjadi asas bagi kebudayaan nasional kita. Sambil itu mustahaklah kita menerima unsur-unsur seni dan budaya yang sesuai dari ciri-ciri berbagai kebudayaan yang terdapat di negeri ini dan dari hasil-hasil kemajuan teknologi moden".

- (c) Perkara ini adalah perkara pentadbiran yang "routine" bagi Kementerian Penerangan. Tentulah Kementerian tersebut selalu "review" dari semasa ke semasa sesuai dengan polisi Kerajaan untuk memperbaiki lagi rancangan-rancangan mereka di talivisyen dan di radio.

KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C.) / ASEAN—IKRAR PERDAGANGAN

22. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ikrar-ikrar yang telah dibuat oleh Kesatuan Ekonomi Eropah kepada negara-negara ASEAN mengenai aliran barang-barang di antara kedua rantau ini dan kesan-kesan kemasukan Britain ke dalam Pasaran Bersama ke atas perdagangan antarabangsa Malaysia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Adalah tidak begitu tepat untuk menyatakan bahawa Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) telah membuat ikrar-ikrar tegas bersangkutan dengan aliran perdagangan di antara E.E.C. dan ASEAN. E.E.C. hanya membuat deklarasi bahawa ia bersedia untuk meneliti bersama-sama dengan ASEAN pelbagai masalah perdagangan yang boleh menjadi dasar bagi kajian bersama di mana penyelesaiannya dapat dikaji. Deklarasi ini telah dibuat oleh E.E.C. di dalam pertemuan pertama di antara Jawatankuasa Penyelaras Khas ASEAN (S.C.C.A.N.) yang diketuai oleh Dr Sumitro Djojohadikoesoemo yang pada masa itu menjadi Menteri Perdagangan Indonesia, dengan Suruhanjaya E.E.C. yang diketuai oleh Professor Ralf Dahrendorf pada 16hb Jun, 1972. Hasil dari pertemuan ini Jawatankuasa ASEAN-Brussel (A.B.C.) telah ditubuhkan di Brussels untuk menjadi pengkalan bagi ASEAN untuk meneruskan

dailog dengan E.E.C. Sejak itu S.C.C.A.N. telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk memberi panduan kepada A.B.C.

Pada 5hb-6hb September, 1973, S.C.C.A.N. bersama-sama dengan Menteri-menteri Perdagangan ASEAN telah membuat pertemuan kali kedua di Bangkok dengan pegawai-pegawai E.E.C. dan Sir Christopher Soames, Timbalan Presiden E.E.C. dan Pesuruhjaya bagi Perhubungan Luar, untuk membincangkan lagi perhubungan di antara ASEAN dan E.E.C.

Di dalam perbincangan-perbincangan yang telah diadakan setakat ini di antara E.E.C. dan ASEAN, E.E.C. hanya menunjukkan minatnya untuk berdagang dengan ASEAN serta persediaannya bagi mengadakan perbincangan-perbincangan bagi membincangkan bagaimana masalah-masalah perdagangan di antara kedua kumpulan serantau itu dapat diatasi dengan memuaskan dan kemungkinannya mengadakan satu corak perjanjian perdagangan yang sesuai di antara mereka. Oleh kerana masalah perdagangan adalah sangat rumit ia akan mengambil masa sebelum sesuatu hasil yang konkrit dapat dicapai. Bagaimanapun E.E.C. telah membayangkan bahawa ianya akan membuat tambahan untuk memperbaiki lagi Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences) pada tahun 1974 yang mana akan meluaskan pasaran bagi kemasukan hasil keluaran negara-negara ASEAN ke dalam E.E.C.

Terhadap persoalan kemasukan United Kingdom ke dalam Kesatuan Ekonomi Eropah dan kesan-kesannya terhadap perdagangan Malaysia, E.E.C. telahpun, melalui "Deklarasi Tujuan Bersama", memberi jaminan untuk mengkaji bersama-sama dengan negara-negara Komenwel yang merdeka dan sedang membangun di Asia, termasuk Malaysia, masalah-masalah yang mungkin akan timbul di bidang perdagangan dengan tujuan mendapatkan penyelesaian-penyelesaian yang sesuai. Malaysia telahpun memulakan perbincangan-perbincangan dengan pihak E.E.C. di dalam semangat dan kandungan Deklarasi tersebut.

TEMPAT BERTEDUH PERHENTIAN BAS

23. Tuan Chan Siang Sun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan meny-

takan samada beliau sedar bahawa ramai penumpang-penumpang terpaksa berpanas dan berhujan apabila menunggu bas, jika ya, samada tempat-tempat berteduh yang se-cukupnya akan disediakan di tempat-tempat perhentian bas.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Saya adalah sedar bahawa beberapa tempat-tempat berteduh di perhentian-perhentian bas seperti di Jalan Pekeliling dan Jalan Ampang tidak mempunyai tempat yang cukup. Dewan Bandaraya akan meluaskan atau menambahkan lagi tempat-tempat tersebut.

PENSYARAH INDONESIA DI INSTITUT TEKNOLOJI KEBANGSAAN

24. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa seorang pensyarah di Institut Teknologi Kebangsaan yang berasal dari Indonesia dan yang aktif dalam bidang dakwah Islamiah telah dihantar balik ke Indonesia dengan serta-merta; jika ya, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Ya, kerana pensyarah tersebut telah melanggar syarat-syarat kontreknya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (13hb Disember, 1973).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut. (13hb Disember, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.31 petang

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, saya ingin mengambil bahagian sedikit lagi.

Yang pertama, berkenaan dengan masalah penghuni atas tanah orang atau atas tanah Kerajaan secara haram di dalam bandar dan dipinggir bandar. Masalah ini menjadi-jadi. Oleh yang demikian, saya harap pihak Kerajaan yang berkenaan akan mengambil satu langkah yang tegas untuk menyelesaikan masalah ini ataupun mengurangkan kejadian ini. Jikalau tidak, saya percaya masalah ini akan menjadi satu beban yang besar kepada pihak Kerajaan pada masa hadapan.

Pada masa sekarang ini orang-orang yang tidak berada yang tinggal di dalam bandar yang berpendapatan kecil tidak mampu hendak membeli rumah yang harganya tinggi. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan ataupun Penguasa Tempatan ataupun Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu kawasan khas di pinggir-pinggir bandar supaya dapat menguntukkan tanah untuk mendirikan rumah mereka sendiri dengan cara alat-alat yang murah menggunakan kayu ataupun separuh daripadanya dengan batu, seluas tanah di antara 3,000 kaki persegi ataupun 5,000 kaki persegi sesudah pelan pertapakan itu diluluskan oleh Penguasa Tempatan dan dibenarkan orang-orang itu membayar secara beransur dan kita adakan

satu standard plan bagi mereka itu membuat rumahnya sendiri ataupun menggunakan tukang-tukang rumah untuk membinakan rumah mengikut standard plan yang diluluskan oleh Pegawai Perancang dan juga Penguasa-penguasa Tempatan. Sekiranya diadakan rancangan macam itu, saya percaya masalah penghuni-penghuni yang tinggal di atas tanah orang atau tanah Kerajaan secara haram itu dapatlah dikurangkan sedikit ataupun masalah itu dapat dihapuskan mengikut jangka panjang.

Keciciran Murid-murid

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang menyebabkan kecaciran murid-murid adalah kerana kemiskinan. Saya dapat tahu pihak Kementerian Kebajikan Am tidak ada peruntukan hendak memberi bantuan buku teks ataupun jenis-jenis lain kepada penuntut-penuntut yang tidak mampu mempunyai buku-buku teks. Saya tahu bahawa Loteri Kebajikan Masyarakat dijalankan 20 hari sekali dan setiap tahun dapat dikumpulkan hasilnya berjuta-juta ringgit. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian ini akan mengadakan suatu peruntukan untuk membolehkan Jabatan Kebajikan Am di Negeri-negeri memberikan bantuan buku-buku teks dan lain-lain bantuan yang diperlukan oleh sebahagian besar daripada penuntut-penuntut yang tidak mampu mempunyai atau membeli buku-buku teks sendiri. Saya percaya peruntukan itu dapat dibuat kerana tujuan Loteri Kebajikan Masyarakat ialah kena pada tempatnya hendak memberi bantuan kepada orang-orang yang mustahak.

Bumiputra Dalam Perniagaan

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, masalah memperbandarkan luarbandar yang mana menjadi satu daripada dasar Kerajaan, khasnya hendak memberi peluang kepada bumiputra yang ingin hendak mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan kecil-kecil. Saya berharap juga Kerajaan menerusi UDA, atau Perbadanan Kemajuan Negeri akan mengkaji supaya mengadakan beberapa banyak kompleks, kedai-kedai ataupun gerai-gerai di pekan-pekan yang tidak ada kedai-kedai dan gerai-gerai untuk bumiputra ataupun orang Melayu menjalankan perniagaan mereka sendiri.

Saya tahu di tempat saya oleh sebab tidak ada kompleks yang semacam ini, bumiputra terpaksa menjalankan perniagaan mereka di tepi jalan, di kaki lima dan menjadi satu gangguan yang besar kepada orang ramai dan kepada Penguasa Tempatan. Saya berharap dengan cara kompleks-kompleks yang semacam ini diadakan di pekan-pekan yang tidak ada, maka bolehlah bumiputra yang hendak sangat mengambil bahagian dalam perniagaan ini membuka perniagaannya sendiri dan dengan mempunyai pengalaman dari satu masa ke satu masa mereka akan dapat kemajuan yang lebih lagi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendaftaran pengundi ini menjadi satu masalah kerana boleh dikatakan tiap kali hendak mendaftarkan pengundi berbangkit macam-macam masalah, pihak Pengurus Pilihan Raya memilih beberapa orang dan ditugaskan untuk sebulan berkhidmat pergi ke rumah-rumah hendak mendaftarkan orang yang sudah cukup umur 21 tahun, orang yang meninggal dunia ataupun orang-orang yang bertukar ke tempat lain. Jadi, perjalanan yang ada sekarang ini pada pendapat saya tidak memuaskan, kerana kita dapati masih lagi banyak pengundi-pengundi yang layak menjadi pengundi tidak mendaftarkan diri mereka itu. Oleh yang demikian, saya mengesyurkan diadakan satu sistem iaitu tiap-tiap rumah yang didaftarkan dengan Majlis Tempatan yang bernombor ataupun tidak bernombor supaya diadakan kad di mana tertulis di dalam kad itu berapa orang yang layak mengundi tempat pollingnya—kawasan mengundinya dan nombornya, alamat dan nombor kad pengenalnya supaya dilekatkan di rumah itu buat selama-lamanya. Manakala masa hendak menyemak bolehlah pegawai penyemak ini semak kad yang ada di situ. Jikalau didapati ada orang sesudah disemak daripada buku pendaftar itu namanya tidak ada di situ, dipotongkan, kalau ada orang yang layak hendak masuk dimasukkan didaftar buku itu dan diberi borang kepada orang yang ingin hendak menjadi pengundi. Jikalau tidak Kerajaan patut mengadakan satu undang-undang mewajibkan tiap-tiap orang mendaftarkan sebagai pengundi, dan tidak pula mewajibkan dia mengundi cuma mendaftarkan sahaja. Dengan ini bolehlah orang-orang yang sampai umur 21 tahun

dengan sendiri dia mesti daftar, kalau tidak didaftarkan dia akan didakwa dan dihukum, ini akan mengurangkan lagi beban pihak Jabatan Pilihan Raya dan membolehkan daftar itu diadakan dengan seberapa sempurna.

Kapal Haji

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian pihak Menteri yang berkenaan dengan perkhidmatan kapal haji yang berlabuh di Pulau Pinang ke Mekah. Pada minggu yang lalu menjadi satu kesulitan yang besar kerana banyak daripada orang-orang yang hendak menumpang kapal haji terkandas, orang-orang yang menghantar orang-orang yang menumpang kapal haji itu pun terkandas di Pulau Pinang. Untuk hendak menyelesaikan perkara ini, saya harap pihak yang berkenaan akan mengkaji supaya kapal haji itu dilabuhkan di Dermaga Dalam Butterworth, kerana pada masa sekarang tiap-tiap yang hendak pergi ke Mekah; dan Pulau Pinang barangkali 5% sahaja itupun barangkali tidak ada tetapi yang banyaknya 95% lebih daripada tanah besar. Kalau kapal haji berlabuh di Dermaga Dalam Butterworth akan memberi kesenangan kepada penghantar dan kepada bakal-bakal haji, menumpang kapal haji pergi ke Mekah. Jikalau tak ada tempat menginap beribu-ribu rumah orang Islam yang ada di sana boleh mereka tumpang atau gunakan di surau, di masjid dan di tempat-tempat lain. Masalah ini tidak akan menjadi satu masalah yang besar. Saya harap pihak yang berkenaan akan memberi pertimbangan atas syor saya ini demi kebaikan penumpang-penumpang dan orang-orang yang menghantar bakal-bakal haji itu.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan lagi sekali saya menyokong penuh usul yang dikemukakan.

3.44 petang

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) All Malaysians have hailed the 1974 Budget as a happy and painless Budget. It would have been an occasion for some celebration if the 5% Sales Tax were

abolished; but, unfortunately, the Honourable Minister of Finance could not agree that the price increase has anything to do with the Sales Tax. The man in the street knows nothing about the principles of economy and he bases his argument on the fact that tax on any article is ultimately passed on to the consumers, hence the present high price of goods.

Sir, Sales Tax especially on bamboo wares, i.e. basket and the like, and clothes have caused much discontent among the poor section of our community. Both basket-making and dressmaking, except those made in large scales, are in actual fact cottage industries. In the case of basket-making, the head of the family usually buys some bamboo, cuts and splits it for the wife and children to make baskets and other bamboo wares. Normally, the joint sales of the baskets made by a family do not exceed \$100 a month; yet they are required by law to keep an account of their sales in order to apply for exemption from Sales Tax at the end of the year. In my hometown of Bukit Mertajam, the M.C.A. there has been helping the basket-makers to compile their accounts and help fill the forms for exemption from Sales Tax for over 100 basket-makers yearly. Two years have passed since the Sales Tax was first collected and by now it must be clear to the Honourable Minister of Finance how insignificant is the amount of Sales Tax collected from the petty basket-makers and the dress-makers and it is, therefore, high time for the Honourable Minister to abolish the Sales Tax, particularly on bamboo-wares and clothes, in order to save these poor petty manufacturers of bamboo wares and dress-makers from the trouble of keeping accounts and applying for exemption as required under the Sales Tax legislation.

We thank the Honourable Minister of Finance for the tax relief on earned income of married woman but we feel that this relief is still far short of the actual amount spent by married women for their own sustenance annually. Similarly, Sir, is the tax relief of \$2,000 for the tax payer and \$1,000 for the spouse. I would appeal to the Honourable Minister to take into consideration the high cost of living today and to increase the tax relief for the tax

payer to \$4,000 and that of his spouse to \$2,000 so as to be commensurate with the actual amount spent by the couple for their sustenance in the year, as this is being done in other countries. Sir, the Minister of Finance has also removed import duties and other duties on certain essential commodities and it is hoped that the gains resulting from this would be passed on to the consumers and not to enrich the importers.

Sir, I was hoping that the Honourable Minister of Finance would be as generous as he was last year by removing the import duty on Mandarin oranges from China so that the Malaysian Chinese could celebrate this Chinese New Year with the same gaiety. The "eat local fruits" campaign has done much to boost up the sales of local fruits so much so that farmers everywhere are taking the opportunity of the increasing demand for local fruits by planting papaya, pineapple and banana trees on any available spot in their farms to supplement their income. Housewives are doing likewise in their compounds or gardens by planting short term fruit trees to save their expenditure on fruits. But, Sir, the Mandarin orange is more than a fruit to the Chinese during the Chinese New Year season. It is a symbol of the New Year festival and is used as offerings to the gods and as greetings to friends and relatives on this festive season, a manifestation of goodwill, happiness and prosperity. In fact, it is a custom long practised and cherished by all Malaysians of Chinese origin, just like dates are to the Muslims during the Puasa season. As customs die hard, it is naturally reasonable for us to expect the Honourable Minister of Finance to make the same concession as he had done last year, by waiving the import duty on Mandarin oranges during the Chinese New Year season.

Sir, the residents of my constituency of Bagan have been clamouring for the last fifteen years for a national-type secondary school as a feeder school for the boys and girls emerging from Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis China in Butterworth. Most of these boys and girls after passing out of primary schools prefer to continue their school either in Chung Ling High School, Penang or the Jit Sin High School, Bukit Mertajam, as there are no similar

types of secondary schools in Butterworth. I have often been requested, as wakil rakyat for Bagan, to help many of these boys and girls to get admission to these schools. I agree, Sir, that there are secondary schools in Butterworth giving just as good a secondary education as the Chung Ling High School, or the Jit Sin High School but, Sir, one must also look at the psychological effects on these pupils. I know, Sir, that a piece of land of not less than 15 acres situated on an ideal place in Butterworth is promised by the Catholic Mission if the Government would agree to dish out the money to put up a suitable building for a conforming secondary school of the same pattern as the Chung Ling High School or the Jit Sin High School. Since there is such a strong appeal for such a secondary school, I would earnestly request the Honourable Minister of Education to grant the anxious request of the residents of Butterworth by providing yet another secondary school in Butterworth in view of the fact that the Ministry of Education is being allocated an additional sum of \$148 million over the 1973 allocation.

I would now like to touch on the unhappy manner the Ministry of Education tackles the intake of the H.S.C. students. The pupils who passed the M.C.E. with Grade I and reasonably good results in Grade II were asked to make application to the Head of school, but it took more than 4 to 5 months for these pupils to be told that they were accepted because selection of these H.S.C. pupils was made at the Ministry in Kuala Lumpur. Those whose names were not in the selected list were asked to wait and many pupils waited till June or July before they decided to go elsewhere for further education. Surely, Sir, the officials in the Ministry need not have to take much time to decide as to whether a certain pupil could be accepted or not. These pupils could then seek elsewhere to further their education before it is too late.

I now come to the decision of the Government to lift import quotas on certain goods with a view to fight inflation. I would here warn the Government to be more cautious in this respect as some locally manufactured goods still need protection, for example, mosquito coils. An import ban was imposed on mosquito coils some time ago because

most of the imported brands are found to be injurious to health, and also because mosquito coils are of such great variety that they could, without check, flood the local market here. The Blood Protection Company (Sdn) Bhd., at Butterworth was one of the first factories with pioneer status to manufacture mosquito coil some years ago with a strength of only 50 employees. By stages, this company developed and expanded and it is now employing over 250 workers reflecting the Malaysian identity and these employees are not only given reasonable salaries but fair terms of service. So far as I am aware, Sir, this company has never failed to meet the demands of its customers and has never made any increase in the price of its product despite inflation everywhere.

Sir, by lifting the import quotas on mosquito coils, it would not only retard the progress that is being planned for this company but is going to adversely affect its present production. I have always thought that the Government would give first consideration to local manufacture unless it appears that these manufacturers are taking advantage of the protection by increasing the price of their products and exploiting their labour force. As I have already said, this company has been straight and has met all the conditions required of it both in the staffing of the administrative officials and the labour force and has also provided amenities for its labour force. I would therefore appeal to the Honourable Minister of Trade and Industry to review the order to lift the import quotas on mosquito coils so as to make it possible for this company to continue its development to the benefit of Penang in particular and to the country in general.

Finally, Sir, I would like to touch on the handling of cargoes in the Penang Port. The importers have been complaining of the delays in the handling of cargoes from ships, yet the Penang Port Commission has done nothing to improve the situation. Pilfering of goods is another common problem in the Port of Penang and although this has been going on for years, the importers, have been afraid to complain because they fear reprisals. Of late, these pilferers have

become bolder and goods are missing in much larger quantities, so much so that the importers are feeling the pinch badly.

The new security guards should be trained to look out for pilferers and I would suggest that a squad of detectives be employed by the P.P.C. to check on these persistent pilferings. A good officer should be employed to look after the proper handling of cargoes, and goods intended for storage should be properly stored in the godown and not thrown about on the quays. Unless the P.P.C. is prepared to go out of its way to see that cargo handling is well and efficiently done and these pilferings are stopped, I am afraid this is going to discourage importers from continuing their business; and if these importers are not given the co-operation and facilities for easy and safe passage of their goods, I am afraid imports through the Penang Port will in due course of time dwindle down badly, thereby affecting the economy of our country. The Port authorities must try to find out why some importers in Penang prefer to obtain their goods from Singapore ports in spite of the higher cost of transport and the difficulties involved.

I would also like to suggest, Sir, in support of my Honourable friend from Seberang Utara that Haji boats bound for *tanah suci* especially at this time of the year and on their return berth at Butterworth Deep Sea Wharves instead of at the Penang Pier. The long queue of cars and passengers on days when the Haji boats are at the Penang wharves have caused much frustration and concern to people travelling to and from Penang and Butterworth on such days. After all, Sir, the friends and relatives of those bakal Hajis are mostly from the mainland and if these Haji ships docked at Butterworth Wharves it would save the relatives, friends and well-wishers of the bakal Hajis a great deal of unnecessary expenses and trouble going to Penang. The queue of cars and crowd of passengers would then be lessened:

There appears to be some quarters in Penang Island who seem to fear that there would arise the problem of lodging for the bakal Hajis and their families in Butterworth, but I can assure them, Sir, that sensible and enterprising people are not wanting in Butterworth and as soon as word goes round that Haji boats would berth at Butterworth,

you would be surprised at the number of lodging houses and restaurants coming up near the Deep Sea Wharves and in good time. I do hope this matter would receive the immediate attention of the Honourable Minister of Communications if he does not want to see any more congestion and queues at the ferry service, and the relatives, friends and well-wishers of the bakal Hajis put to unnecessary expense and trouble.

4.00 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengulakukan ucapan Menteri Kewangan pada hari beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974, saya adalah bersama-sama dengan rakyat dalam kawasan saya dengan hati yang berdebar-debar menanti akan muncul pula satu harapan baru untuk menghadapi tahun yang lebih makmur dan tenteram. Makmur yang saya maksudkan ialah tentang kemewahan hidup, dan tenteram itu bermakna pula keamanan yang abadi bagi rakyat yang memilih sesebuah Kerajaan di dalam cara demokrasi, keamanan itulah yang sangat penting dan mustahak dan sudah tentu kemakmuran akan membawa keamanan.

Kekurangan Beras

Perut yang kosong akan mengakibatkan pemberontakan badan dan jiwa. Bagaimana sekalipun kegelisahan rakyat sangat ternyata iaitu dengan kenaikan harga barang-barang makanan tegasnya beras, rakyat tersangat heran kenapa dan mengapa harga beras mesti begitu melambung tinggi dan dalam satu masa beras tidak ada langsung dan tidak dapat dibeli di pasar biasa. Walhal Kerajaan menerusi ejensinya berulang kali berkata dan mengeluarkan kenyataan bahawa beras dalam negara ini cukup serta rakyat tidak perlu bimbang, takut dan cuak. Kalau sudah anak-anak menangis, isteri kehilangan fikiran kerana tempayan mengisi beras di rumah telah kosong, harga barang melambung tinggi, pendapatan sekeluarga tidak bertambah, adakah perkataan-perkataan manis, rayuan-rayuan yang mendayu-dayu, janji-janji yang lunak itu akan masuk ke lubang telinga anak-anak kecil, telinga-telinga si buruh kasar atau manusia yang berpendapatan rendah.

result in a greater self-generating economic financing. In this respect, I would urge him to consider the exemption of all Government and quasi-Government Agencies which are 100% financed by Government loan funds or grants and which are directed towards implementing the New Economic Policy from Income Tax. In particular, I would like to appeal to him to consider with sympathy exempting organisations such as the State Economic Development Corporations, Pernas, UDA and others, as I said, 100% Government financed agencies from income tax. I would like to refer in particular to the role and functions of the Penang Development Corporation and to some extent to the Penang State Water Authority. The Penang Development Corporation has contributed greatly towards generating finance within the State of Penang to the extent that, as a quasi-Government Agency or a direct Government Agency, it is beginning to be able to repay capital loan charges as well as interest rates from these loans which were made by the Federal Government to the State Government in the first instance. Unless an organisation such as this were given exemption from income tax, what would happen would be that the Government will be financing an organisation which will have to pay loan charges plus 6½% interest to the Federal Government plus 40% as a corporation for income tax. Mr Speaker, Sir, I think this is loading the situation a bit too heavily on what Government itself intends to be a finance generating institution.

I would refer the attention of this House and of the Honourable the Minister of Finance to the Income Tax Act No. 53 of 1967 and in particular to Part IX of this Act and Clause 127 which provides for the exemption, remission and other reliefs which are later referred to in Part II of the Schedule of that Act. It is interesting to note that in Part II of the Schedule of this Act, as it stands, the Majlis Amanah Rakyat, the Totalisator Board, the Federal Land Authority, the Housing Trust of Malaysia—I am not very sure whether it still functions—the Kuching Water Board, the Penang Tourist Association and the Selangor State Developing Corporation qualify for exemption from income tax amongst 70 other institutions so provided. If Government could look into this matter and consider it sympathetically, I hope that the Govern-

ment-instituted agencies for development which are 100% financed by the Government can also be so exempted. I consider this review appropriate at this time because it will help the nation to considerably increase the pace of economic growth of Federal and State as well as Federal and State sources of revenue, which in turn will, to some extent, provide us with greater financial resources to meet the problems of development growth particularly in the provision of the essential social infrastructure services so fundamental to the overall physical development taking place in all parts of Malaysia. It frequently is a problem to assess who should really be responsible for the management, for building of drains, the maintenance of drains, of roads, sewers, providing electricity and providing adequate water supply.

Tuan Yang di-Pertua, I commend the Honourable Minister of Finance for his reference to curb speculation on land which is contained in Paragraph 34, page 92 of his speech and this proposal of putting a land speculation tax is well intended. As I have stated earlier, it is an indication of how the Government clearly points the policy direction of how we must proceed to control the development of our social needs and our social developments so that our people can enjoy the greatest benefits from the developments taking place in our country and not be subject to unbridled exploitation and greedy speculation by those who do not adopt the same attitudes of civil and social responsibilities which the Government itself is committed to implement for our national advancement. This matter has been debated at length in this House. However, I would like to refer in particular that the time has come and it may be necessary for Government to look into areas of possible anomalies or conflict in the different legislations that have already been passed such as the National Land Code, the Municipal Ordinance or the Town Boards Enactment and the Building By-Laws and amendments which have been brought into this House for consideration with regard to their relationship with the land speculation tax. In so doing, the Government will then be able at all levels of administration—Federal, State as well as local authority levels—to mobilise the

support of our people of all Malaysians behind Government's efforts to control exploitation and speculation of land and, much more essentially, of properties.

For example, I think it is only correct that since the Government has announced that in all Government projects the squatters involved must be especially provided for, that they should be taken care of, so that squatters from one place should not be made into squatters at another place and their problems should be solved by adequate and proper compensation to them by the development agencies of Government by positively providing sites to resettle the squatters within a proper scheme of rehabilitation, therefore it is only correct that the private sector, especially that unbridled sector of exploitation and speculation, should also be made to accept and to follow these principles of equitable development established by the Government itself; that is to say, in trying to implement the Land Speculation Tax, we must also provide sufficient legislation to make sure that the squatters living on the grounds which are the subject of this speculation should be taken care of and not be made into a Government "baby" or made into a social problem. Tuan Yang di-Pertua, it is essential that we must consider making new legislations to make it imperative for any developer who is not speculative or exploitative of our land and property to safeguard the rights and position of squatters on private land. Enough has been made by the Opposition whenever Government moves squatters from Government land, but when you come to look into the problem in detail we find that what Government has done is far better than what the private sector, particularly the irresponsible side of the private sector, is doing to this day. Squatters on private land whose owners are involved unwittingly in land speculation transactions and exploitative property development must be protected by law so that they will be given adequate compensation and also properly resisted. I have earlier mentioned the National Land Code and several other legislations. They appear quite disconnected, but it would be a very good thing, for example, if it could be written into the law that sub-division of any property cannot be allowed unless the developer not only builds up roads and

drains to the satisfaction of the authorities concerned, but the developer concerned should also ensure that the squatters on his land will be properly compensated.

Tuan Yang di-Pertua, many things have been suggested in this House as to how we can control the problem of rising cost. I would like to take this opportunity to suggest to Government, and the Honourable Minister of Finance, to look into the possibilities of providing direct or indirect subsidy to such organisations as retail co-operatives and Government-sponsored retail and distributing agencies so that these organisations will at least be given a tax holiday equivalent to that given to the large industries with pioneer status. Tuan Yang di-Pertua, I refer to the small retail shops which are beginning to jell together as co-operatives, particularly in the Bumiputra sector, who have to be protected. I also refer to the larger distribution agencies which Government is trying to develop in combination with the Bumi-putras and other races in the true Malaysian spirit to ensure that goods will reach the consumers from the producers and the wholesalers at as cheap a price as possible. By giving this kind of direct or indirect subsidy, Government will enable these organisations to retail or to bring the goods to the consumers at a price at least minus the administrative and tax load which otherwise will be borne by these new organisations and thereby through this, the Government can assist directly in reducing the cost of distribution of goods and directly participate in curbing the price to the consumers from the wholesalers or producers.

Tuan Yang di-Pertua, I would just like to end by saying that the Budget speech reflects the bright future which has already been brought to the attention of the House in the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan. The bright future of the Mid-Term Review reflects upon our own efforts; on the other hand, the Budget also takes into consideration issues that involve international factors beyond the control of this House. As I said earlier, we must realise and appreciate that in order to fulfil the objectives that the Budget speech suggests, every Malaysian must be brought into the picture, must be made to understand that he must become

fully involved at this crucial juncture of our struggle to reach out for a better future; a Malaysia with an identity of its own will be synonymous with the Malaysian society which is just and equitable. Today we must all act as Malaysians. We must think as Malaysians. Time has well passed when we are going to say that a Malaysian society is still a thing of the future. We are involved in this task of building up a Malaysian society today and unless we act over and above the bounds, boundaries and confines of communal political concepts, we are not likely to achieve the goals that we have set ourselves for establishing a Malaysian society which is just and equitable. We must share our benefits and also our sacrifices equally if we are to achieve a Malaysian destiny where every Malaysian will be proud of being a Malaysian and proud of the fact that he has made sacrifices to reach understanding with one another in order to achieve the nation that we want. We have established the firm foundation of a just and equitable society for future generations to come. Under the wise and enlightened leadership of the Honourable Prime Minister, we can achieve these objectives of a happier and more prosperous and just Malaysian society, especially if we set aside minor details and squabbles, trying to out-gamesman one another in the political field, but work together as Malaysians—Opposition and Government, Government and the people, the House and the people—to achieve the target of a Malaysia that we want.

Tuan Yang di-Pertua, I support the Motion of the Honourable Minister of Finance in this spirit and I am sure that all loyal Malaysians will also support the Budget proposals in the same spirit, and it is my greatest hope that the Honourable Minister of Finance will reflect Government's desire to co-operate with the people in a similar spirit.

5.48 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya ini. Saya adalah menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun ada disabitkan dengan belanja dan

kenaikan harga barang-barang yang men-cemaskan kehidupan rakyat, tetapi sebagai sebuah negara yang membangun tidaklah sunyi walaupun dalam masaalah yang tersebut.

Ketika hendak melaksanakan belanjawan ini, saya memberikan empat syarat kepada Kerajaan.

Yang pertama sekali hendaklah mengadakan semua jenis barang yang cukup untuk keperluan rakyat negeri ini.

Yang kedua, hendaklah dikawal dan di-awasi bagaimana keadaan harga barang-barang harian sekarang supaya dapat benar-benar penasihat pengawal barang-barang ini dinikmati oleh rakyat.

Yang ketiga, dengan memberi tambahan sara hidup kepada mereka yang berpendapat rendah samada pihak Kerajaan termasuk juga pihak swasta.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berikhtiar segala bahan-bahan pengeluaran peladang dan nelayan dapat harga yang baik. Sekiranya dapat dilaksanakan syarat ini adalah mengurangkan atau mengatasi inflasi yang berlaku dalam negeri kita. Dengan keadaan ini kegelisahan yang akan dialami oleh rakyat kerana mereka juga sebagai rakyat jujur dan mempunyai kesetiaan kepada negara akan menerima kesulitan yang kecil itu dengan perasaan tenang, sabar dan mereka akan memandang lebih jauh apa yang terjadi di negeri yang lain.

Bagi Belanjawan, 1974 ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan pendapat iaitu satu Belanjawan yang melegakan rakyat dan diterima oleh rakyat dengan keadaan yang tenang. Ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat disedari oleh rakyat bahawa dengan tiada peruntukan itu segala projek pembangunan yang akan mengubah taraf hidup rakyat pada masa depan tidak dapat dilaksanakan, dan rakyat Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, gemar memakai pepatah datuk neneknya dengan berkata :

Berakit-rakit ke hulu,

Berenang-renang ke tepian,

Bersakit-sakit dahulu,

Bersenang-senang kemudian.

Parti Pembangkang

Kepada Parti Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah hairan kepada kita memang sifatnya suka menghentam Kerajaan, mengkritik Kerajaan, tetapi malangnya mereka tidak dapat menunjukkan satu jalan yang mana Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu dapat dilaksanakan demi pembangunan negara ini. Sebagai pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, itulah tugasnya, kalau boleh segala rancangan Kerajaan itu terbantut atau gagal, mereka tidak fikir cara yang mendalam bahawa mereka datang ke sini di hantar oleh rakyat maka Belanjawan ini untuk faedah rakyat. Oleh sebab itu, segala kritik-kritik Pembangkang itu tidak boleh ditelan bulat-bulat hatta orang yang mengundi Parti Pembangkang itu sekali. Kita mempunyai falsafah kerja yang paling senang sekali di dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, bercakap dan yang paling seronok sekali mencaci dan mengkritik, tetapi kita sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab samada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat adalah penuh bertanggungjawab bagi menyempurnakan amanat yang diberikan oleh rakyat.

Kabinet Baru

Saya mengucapkan tahniah atas pembentukan Kabinet baru yang sesuai dengan kehendak pembangunan, dan diminta tiap-tiap Kementerian itu menyelaraskan aktiviti-nya dengan dasar am Kerajaan dan juga memberi kerjasama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana pembangunan sebuah negara ini terletak bebannya kepada empat perkara.

Yang pertama, dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan Kerajaan. Yang kedua, dilaksanakan oleh firma-firma dan swasta. Yang ketiga, dilaksanakan oleh badan-badan berkanun dan ajensi-ajensi. Yang keempat, sambutan dan kerjasama daripada rakyat.

Kepada Kementerian-kementerian saya harap kerjasama di antara satu Kementerian ini hendaklah dirapatkan dan kita tidak mahu seperti satu cerita dongeng yang diberi oleh orang Melayu seperti bangau dengan nasi mentah. Saya katakan begini, Tuan Yang di-Pertua, satu-satu rancangan yang hendak dibuat oleh Kerajaan kita tidak mahu

memakan masa lama iaitu bertolak-tolak antara satu Menteri dengan satu Menteri. Dengan keadaan yang begitu rancangan Kerajaan itu menjadi lambat.

Yang kedua, saya harap Menteri-menteri juga jangan selalu berketuk sebelum daripada benda itu bertelur, sebab cara ini akan menghampakan rakyat ataupun orang luar negeri memandangkan kerja kita ini banyak cakap. Saya contohkan, Padang Terbang Antarabangsa di Senai. Kementerian kata bulan April siap, tetapi tidak siap, katanya, bulan Ogos, bulan Ogos pun tidak siap. Katanya, tahun depan. Jadi, setengah-setengah rakyat tahu bahawa padang Terbang Antarabangsa di Senai itu siap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Begitu juga macam jambatan Bandar Baharu di Perak. Kementerian berkata dalam tahun 1973 ini dimulakan, tetapi malangnya sudah hampir akhir tahun 1973 hendak masuk tahun 1974 jambatan yang diharap-harapkan oleh rakyat yang telah mengurbankan jiwa rakyat begitu banyak belum dimulakan. Saya harap pada masa yang akan datang kurangleh sedikit propaganda-propaganda yang semupama ini supaya dapat menyenangkan fikiran rakyat.

Yang keempat, saya hendak meminta kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat dan juga antara pegawai Kerajaan dengan pegawai Kerajaan. Pegawai-pegawai Kerajaan ini saya harapkan, dalam kita melaksanakan samada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, jangan mudah diperlemahkan oleh satu-satu keadaan sehingga kerja kerana rakyat terbungkalai, sebab dalam dunia yang membangun ini, macam-macam masaalah akan ditimbulkan oleh manusia-manusia yang tidak suka rancangan Kerajaan itu berjalan dengan pesat.

Banjir

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menyentuh sedikit sahaja dalam anggaran belanjawan ini. Pada masa sekarang, dua perkara yang dihadapi oleh negara kita semasa kita membahaskan belanjawan ini. Pertama negara ini dalam keadaan banjir. Yang kedua, negara kita ini sekarang dalam rompak jenayah yang menjadi-jadi. Kepada banjir ini, saya mengharapkan Kerajaan memberi satu perhatian yang

istimewa. Jangan hendaknya rakyat menunggu rancangan-rancangan yang jangka panjang, ampangan-ampangan yang berjuta-juta ringgit, hendak menunggu pakar membuat penyiasatan, tetapi kita cari satu ikhtiar bagaimana hendak mengatasi banjir-banjir yang sedang dialami di negeri ini. Berpuluh-puluh ribu manusia kena pindah, tanamannya rosak, ternakannya mati dan ada yang maut, ada yang sakit. Jadi masaalah ini patut bagi pihak Kerajaan memberikan satu peruntukan yang tertentu menjalankan satu ikhtiar mengatasi banjir ini dengan usaha yang singkat.

Kejadian Jenayah

Yang kedua, dalam masa kita berbahas ini belum pernah kita dengar keretapi kena rompak. Walaupun kejadian ini berlaku di Negeri Thai. Tetapi boleh jadi berlaku di negeri kita, keretapi dari Gemas hendak pergi ke Kelantan atau di kawasan hutan. Masaalah seperti ini patut diberi perhatian oleh Kerajaan, sebab keadaan jenayah ini bukan sahaja rompak keretapi, tetapi di bandar-bandar dengan menggunakan pistol. Baru-baru ini saya nampak pula ada sejenis pistol seperti fountain pen sahaja. Saya fikir kalau negara kita tidak jaga, tidak awasi betul-betul, tidak dihukum manusia yang membuat kesalahan ini, negeri ini akan menjadi satu negeri yang mendatangkan ketakutan kepada rakyat dan juga pelancung-pelancung takut hendak datang ke negeri ini. Saya harap kejadian jenayah dan kejadian rompak yang banyak berlaku dari semasa ke semasa dalam negeri ini supaya diberi perhatian oleh Kerajaan dan diberi peruntukan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang saya hendak sebutkan ialah tugas Jabatan Perdana Menteri, iaitu mengkaji masaalah berkaitan dengan penghijrahan orang-orang desa ke bandar-bandar. Ini patut diperhatikan dengan serious, terutama sekali orang Melayu. Keadaan hidup mereka miskin, daif dan mempunyai keluarga dengan cara tidak langsung telah berhijrah hampir dua juta. Saya tidak hendak berhajat mengulas panjang, sebab saya telah katakan dalam bahasan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan harus membuat kajian kepada rakyat kita yang berhijrah ke negeri lain dengan mencari pekerjaan atau dengan mengikut kontrektor di Singapura, di Brunei, di Vietnam. Kita

kena awasi ketika mereka pulang kerana mereka ini disemaikan berbagai-bagai fahaman yang memburukkan negara kita dan ada yang mendapat latihan tentera selama 6 bulan atau dua tahun di negeri-negeri itu.

Bahagian Perancang Ekonomi

Yang kedua, dalam Bahagian Perancang Ekonomi. Bahagian ini patut berhubung dengan semua projek Kerajaan dari dan bekerja rapat dengan badan antarabangsa untuk mendapatkan bantuan pakar-pakar. Dalam bahagian ini, saya syorkan bahan-bahan utama negeri ini patut ditambah iaitu seperti beras bagaimana hujah yang telah saya katakan.

Dalam bahagian penyelidikan, mengenai sikap pegawai-pegawai Kerajaan, tadi telah saya katakan. Kalau hendak Dasar Ekonomi Baru berjalan, kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan itu penting dan mustahak. Saya tidak menyalahkan sebab banyak juga pegawai-pegawai Kerajaan yang mematuhi Dasar Ekonomi Baru ini tetapi ada setengah-setengahnya terutama sekali peringkat-peringkat daerah. Bagaimana kita dapati dalam akhbar hari ini ada ejen-ejen yang hendak menjual tanah kepada rakyat yang lapar tanah. Keadaan yang macam ini tentulah patut kita awasi. Ini kalau tak ada kerjasama setengah-setengah daripada pegawai-pegawai Kerajaan tentulah golongan-golongan yang hendak menjual tanah kepada rakyat secara haram ini tidak akan berjalan.

Beras

Tuan Yang di-Pertua, masaalah beras. Kebetulan pula Yang Berhormat dari Muar Dalam (Pengerusi L.P.N.) ada di sini. Selain daripada usaha rancangan ekonomi perlu mengikut perkembangan dunia di negara-negara lain terutama di bidang pertanian kerana manusia bertambah ramai yang sangat berhajatkan makanan atas melawan inflasi. Satu daripadanya polisi beras hendaklah dijadikan pengeluaran bahan-bahan dalam negeri ini dengan melipatgandakan kawasan padi. Kita berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan akan membuat satu rancangan yang menambahkan kawasan ini dengan menghijrahkan kawasan tanaman padi yang sesak dan sentiasa menyewa kepada kawasan-kawasan yang baharu dimiliki. Boleh dikatakan hubungan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, Sabah termasuk

juga Kerajaan Negeri Johor. Johor ada mempunyai kawasan sawah, tetapi kurang orang yang mengusahakannya. Masaalah ini patut diberikan perhatian oleh Kementerian Pertanian, kalau hendak membaiki ekonomi negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi krisis beras dalam negeri ini dengan membantu negara-negara dunia iaitu kita berupaya mengeksport beras kerana beras itu telah menjadi makanan utama. Mengkaji kedudukan beras sekarang, memang ada di mana-mana. Kerajaan mengatakan beras ini memang ada, tetapi harga beras di pasaran biasa (free market) begitu mahal, tidak berupaya oleh keluarga yang berpendapatan kecil, dan ada beras tempatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara terhadap, dan juga beras (stockpile) Kerajaan yang dikeluarkan kepada rakyat bumiputra sekarang ialah kebanyakannya beras China, beras yang berabuk, sangat menyeksakan rakyat pada menerima beras ini. Yang menghairankan kita bahawa negara kita mengeluarkan 90% hasil beras kononnya 10% diimpot dari luar negeri malangnya rakyat makan beras yang kurang baik, yang berpunca daripada dua sebab.

Yang pertama, dengan kelonggaran Kerajaan mengawal padi yang dikeluarkan oleh peladang kita terlepas ke kilang pengeluaran serta pengeluaran yang besar-besaran daripada kaum modal bukan sahaja di Pulau Pinang termasuk di Petaling Jaya, satu kawasan yang tak ada tanaman padi, tetapi di Petaling Jaya ada kilang pengisar padi.

Mereka memproses padi ini yang merupakan beras yang baik dan dijual kepada pasar bebas dengan harga yang mahal. Ini saya fikir adalah satu kelonggaran Kerajaan dalam masaalah ini.

Yang kedua, Lembaga Padi dan Beras Negara tidak diberi peluang dengan mengeluarkan, mendirikan kilang yang besar di negeri jelapang padi yang berupaya mengeluarkan beras pada sebarang masa.

Yang ketiga, Kerajaan hendaklah juga membuat penyelidikan kilang-kilang kecil yang ada dalam negeri ini untuk menolong Lembaga Padi dan Beras Negara dengan memberikan peluang kepada ejensi-ejensi Kerajaan seperti Peladang, Syarikat Kerjasama pada mendirikan kilang-kilang yang saya sebutkan itu.

Lembaga Padi dan Beras Negara

Selain daripada itu pentadbiran beras hendaklah diedarkan 100% oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sekarang ini. Lembaga Padi dan Beras Negara sekarang hanya mengedarkan 1.46% sahaja dan termasuk mengimpot ke luar negeri. Tetapi malangnya pada masa sekarang dengan sebab adanya tekanan daripada saudagar beras yang ada dalam negeri ini kepada peniaga-peniaga luar negeri samada Siam atau China menjadikan Lembaga Padi dan Beras Negara tidak berjaya mendapat beras itu, sebab mereka menjual dengan harga yang mahal. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah membuat perubahan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara, hendaklah mengedarkan beras kepada pemborong-pemborong pada tiap-tiap negeri kiranya tidak dapat pemborong itu daripada berbuat demikian, Kerajaan harus akan tarik balik, sebab saya dapat tahu, baru-baru ini Lembaga Padi dan Beras Negara telah memberikan beras kepada pemborong-pemborong, tetapi malangnya pemborong itu telah menjualkan kepada ahli penyeludup. Pada hal yang diberi itu badan ajensi Kerajaan dijualkannya kepada ahli penyeludup beras. Dengan keadaan yang macam ini, rakyat yang berkehendakkan beras yang baik tak sampai pada tangannya. Jadi dalam masaalah ini saya fikir patut Kerajaan berikan perhatian.

Dasar Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, menyentuhkan kepada perkembangan dalam penduduk dan melaksanakan dasar luar negeri di antara perhubungan kita dan dunia luar menggalakkan penanaman modal asing supaya pembangunan ekonomi negara kita bertambah baik. Di antara perkara-perkara yang saya tarik perhatian supaya diambil tindakan yang ada kaitannya dengan belanjawan negara ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kita telah mempunyai perwakilan di seluruh dunia dan mengukuhkan persahabatan dengan negara-negara Eropah Barat termasuk Eropah Timur. Memandang banyak kerja yang akan dibeban kepada Kementerian Luar Negeri, peruntukan tambahan perlu diberikan, terutama kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan Jerman

Timur, Vietnam Utara, Korea Utara, lebih-lebih lagi kita akan mengadakan hubungan diplomatik dengan China Kominis. Bagi pihak rakyat negeri ini dengan hati yang berdebar menunggu pengisytiharan Kerajaan bilakah masanya perhubungan ini akan diadakan dan rakyat negeri China seramai 800 juta itu sedang menunggu kedatangan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak ke negerinya sebab negeri China memandang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai jaguh perdamaian, jaguh pengecualian dan jaguh keamanan di kawasan ini. Saya harap bahawa hubungan diplomatik dengan Kerajaan Negeri China itu akan dapat diisytiharkan dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Visa

Selain daripada itu, satu usaha yang patut dibuat oleh Kerajaan, perjanjian patut diperbuat kepada negara-negara yang telah ada hubungan diplomatik itu supaya memansuhkan Visa terutama Negara-negara Sosialis seperti Russia dan Romania. Ini patut disegerakan, kerana menjadikan satu lambang dalam kemajuan perhubungan kita dan menjadikan Malaysia berada di zaman baru yang benar-benar mengamalkan dan melaksanakan dasar negeri yang berkecuali dan meninggikan imej Malaysia serta memberikan peluang kemudahan kepada rakyat negeri ini dan negara blok tersebut melancang dan berlatih samada rakyat negeri kita atau rakyat mereka memberikan jurutera-jurutera atau pakar-pakar kepada bidang-bidang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil, tetapi dengan dasar kita yang berkecuali itu dapat perhubungan baik dalam pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan memberikan kerjasama kepada Badan Pertubuhan Dunia. Maka daripada kehasilan itu kita telah dapat bantuan daripada segi ekonomi dan kewangan dan agensi kepakaran dalam semua bidang daripada badan-badan tersebut yang sangat-sangat diperlukan oleh negara kita, dengan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Hanya satu sahaja yang saya hendak sentuh dalam dasar kita dengan negeri Arab. Saya banyak berterima kasih atas jawapan Yang Amat Berhormat Menteri, tetapi cuma satu sahaja saya hendak mem-

beritahu Kerajaan kita bahawa kita sangat menghendakkan supaya pandangan negara Arab itu berubah dengan mana dapat mereka bersama-sama dalam Persidangan Damai di Geneva antara Arab-arab dan Israel. Sebab dengan keadaan yang semacam ini, satu perkara yang patut difikirkan oleh negara Arab kerana mereka itu adalah satu rumpun asalnya daripada keturunan Nabi Allah Ibrahim. Kalau mereka memikirkan perdamaian ini memberi kebajikan kepada Arab dan Israel dan juga orang-orang Palestine, satu hari satu masa, negara-negara luar yang campur tangan dengan negara ini akan dengan senang hati diminta oleh kedua buah negara, Israel dan Arab keluar dan Russia dan Amerikalah yang mengacau kedua-dua buah negara itu. Demi perdamaian, kita mengharapkan perubahan pemikiran Kerajaan-kerajaan Arab yang bersangkutan itu akan dapat dilanjutkan sehingga tercipta betul keamanan di kawasan Asia Barat itu.

Pengkalan Tentera Laut Di-Raja Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pertahanan, saya cuma hendak memberi tahu Kerajaan berhubung dengan Pengkalan Tentera Laut di-Raja Malaysia di Lumut. Projek ini, saya fikir lambat dan satu perkara yang patut difikirkan oleh Kementerian yang berkenaan berhubung dengan kawasan ini, gelombangnya kuat, ombaknya kuat. Kiranya kalau dibuat dengan kurang awasi, kurang cermat, maka satu kegagalan, satu kesusahan yang akan terkena kepada askar-askar kita di kawasan ini.

Satu perkara sungutan rakyat yang telah terlibat dengan tanahnya diambil untuk rancangan ini patut difikirkan dan dikaji semula.

Pengganas Kominis

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit dalam hal ehwal dalam negeri. Sebentar tadi telah saya katakan dan rakan-rakan saya menyatakan bahawa pengganas kominis sekarang ini bukan bertambah kendur tetapi bertambah kuat dan masuk ke dalam negeri kita ini dengan menjalankan gerakan dan ada mendapat kerjasama daripada setengah-tengah rakyat dalam negeri ini. Saya ucapkan tahniah kepada

Kerajaan Negeri Sarawak dengan tegasnya telah menangkap dan menahan beberapa orang ahli dermawan, ahli politik dan juga ahli bangsawan. Saya harap kalau dilepaskan pun perkara semacam ini patut dibuat oleh Kerajaan Negeri Perak dan Kedah. Kita jangan teragak-agak, kita tangkap sesiapa juga yang memberi kerjasama dengan kominis. Masaalah ini, kalau hendak berkesan inilah satu usaha kita, kita dera dia, kita soal dia, kita tanya dan insya Allah gerakan kominis dalam negeri ini akan dapat berkurangan, sebab yang sanggup memberi kerjasama itu tidak lain dan tidak bukan adalah rakyat negeri ini, pegganas kominis itu juga asalnya dahulu, pegganas kominis yang hendak mengembangkan sayapnya keseluruhan tanahair kita dan saya harap satu perkara lagi Kerajaan hendaklah menghentikan sebutan pegganas kominis ini, hendaklah dikatakan "Kumpulan pegganas" sahaja. Sebab bila kita sebut pegganas kominis kita telah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara kominis. Dengan keadaan kita kata kominis terjejaslah perasaan negara-negara kominis yang kita berbaik dengannya seolah-olah kita melawan dia dan kalau kita kata kominis, gerila ini juga dapat bantuan sukarela daripada Kerajaan-kerajaan kominis dengan tujuan hendak membebaskan kononnya negara ini. Saya harap sebutan "kominis" itu hendaklah dihapuskan, digantikan dengan perkataan "kumpulan pegganas" sahaja. Itu ada lebih sesuai menurut hemat saya yang cetek ini.

Tanah

Satu perkara lagi saya hendak bangkitkan dalam masaalah tanah. Tanah ini banyak telah dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya, tetapi saya hendak sebutkan dua-tiga perkara dengan cara ringkas sahaja. Satu perkara menyulitkan kepada rakyat berhubung dengan lambat mengukur tanah, kadangkala rakyat sudah bayar duit geran, bayar duit batu sempadan, bertahun-tahun, tetapi geran tanah itu lambat dikeluarkan kepada rakyat. Masaalah ini satu perkara yang merunsingkan rakyat dan juga perkara mendapatkan geran ini satu perkara yang menjadi hak rakyat kerana daripada geran itu mereka boleh gadaikan untuk dijadikan modal dalam perniagaannya.

Penduduk Mendatang

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini saya telah dengar suara sumbang, nada yang sumbang dalam mana mengatakan Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia ini samada orang-orang Melayu, orang Cina dan India dikatakan sama penduduk mendatang dan berkaitan ini juga telah dicakapkan oleh Lee Kuan Yew waktu Singapura memasuki Malaysia. Dan ini juga setengah daripada ingatan orang-orang rakyat Malaysia ini dengan mengatakan orang Melayu ini juga orang yang mendatang. Perkara ini pun betul juga dicakapkan, dengan keadaan macam ini bagi pihak orang Melayu mengatakan benar Semenanjung Tanah Melayu ini atau Gugusan Pulau-pulau Melayu ini dihakki oleh orang Melayu atau rumpun orang Melayu, tetapi hendak mengatakan ketentuan rumpun orang Melayu itu tak dapat memberi satu kenyataan yang sah. Oleh sebab itu, saya harap Kementerian Kebudayaan akan dapat memberikan peruntukan khas bagi membuat satu penyelidikan berhubung dengan bangsa Melayu samada ditugaskan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau kepada Universiti Kebangsaan kerana daripada penyelidikan rumpun atau baka Melayu ini dapat membantu bahan sejarah yang sebenarnya dan dapat menunjukkan kepada dunia dan rakyat Malaysia ini bahawa Gugusan Pulau-pulau Melayu ini termasuk Semenanjung Tanah Melayu ini benar-benar dipunyai sebagai hak orang Melayu.

Melayu di Gugusan Pulau-pulau Melayu

Kita telah diperakui bahawa manusia yang disebut bangsa Melayu ini telah mendiami Gugusan Pulau-pulau Melayu termasuk Semenanjung Tanah Melayu sejak 5,000 tahun dahulu. Mereka mendiami kawasan-kawasan selepas bah di zaman Nabi Allah Nuh. Ini dapat disahkan oleh pakar seorang bangsa Eropah yang telah menggali sebuah gua di Sungai Siput, Perak. Hasil daripada penggalian dijumpai dua rangka manusia yang belum reput, serta alat perkakas batu, kulit, siput, manik dan sebagainya. Rangka manusia ini bertubuh besar. Datuk nenek orang Melayu ini tubuhnya besar, panjang, mempunyai gigi yang masih kukuh. Kedua-dua rangka itu telah dibawa ke Eropah untuk pengkajian yang lebih lanjut oleh pakar ilmu asal usul

manusia dan sejarah. Maka rangka manusia baka Melayu inilah dipercayai berumur lebih kurang 3,000 sebelum masihi. Ini belum dapat dipastikan lagi di Gua Niah di Sarawak atau di kepulauan Melayu atau lain-lain. Dengan dapat dibuktikan bahawa bangsa Melayu telah mendiami kawasan ini lebih kurang 5,000 tahun yang lampau sebagai satu bangsa manusia yang lebih tua daripada bangsa Cina atau lebih tua daripada bangsa Jepun atau lain-lain bangsa di Asia ini, dengan dapat menolak kenyataan yang mengatakan bahawa orang Melayu ini juga orang yang mendatang. Kalau kajian itu dapat dibuktikan kepada dunia dan tambahan pula UNESCO, suatu badan antara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan, Ahli Yang Berhormat telah bercakap hampir setengah jam. Peringatan telah pun diberi lebih dahulu iaitu ramai lagi Ahli-ahli yang hendak berucap, sila pendekkan ucapannya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih atas ingatan Tuan Yang di-Pertua. Kesimpulannya dalam masalah yang saya risaukan dan juga oleh orang Melayu ialah ada manusia dalam negara ini yang mengatakan bahawa orang Melayu juga orang yang mendatang dalam negeri ini. Jadi dengan kehasilan apa yang telah saya utarakan ini kalau dapat dibuatkan kenyataan bahawa dapatlah diterima Gugusan Pulau-pulau Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu ini adalah lebih dahulu yang mempunyai hak ialah baka orang Melayu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin hendak bercakap dalam 10 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih.

6.17 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Belanjawan tahun 1974 ini, dan saya minta izin bercakap di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the 1974 Budget can be summed up as one in which the Honourable the Finance Minister has at last swallowed his pride and come out with an open, albeit reluctant, admission that inflation is now the country's No. 1 economic problem, according to the concluding paragraph of his speech.

With price inflation now at 10% a year, he has little alternative but to recognise that whatever little that has been achieved over the past 16 years could easily be, to use his own words, "wiped away". However, even as he has promised that no stone would be left unturned to combat the problem, he has disappointed this House and the country at large by his failure to indicate what stones and how many and in what manner are they going to be turned. Notwithstanding the songs of praise and the cheers showered on the Honourable Finance Minister by the Honourable Member for Tanjong, I think the Budget is a dehumanising one. Even as the Honourable Finance Minister nonchalantly talks about the possibility of the fruits of the last 16 years being wiped away, hundreds of thousands of Malaysian have-nots in our kampungs, new villages, estate settlements and urban slums are already feeling the pain of the relentless erosion of their low incomes. To them, it is the problem of the dollar in the pocket growing increasingly lighter. Our people do not have to wait for the terribly belated advice of the Honourable Minister of Finance to face the reality of inflation squarely. The people had been facing this reality with considerable pain, anguish and hardship for the past three years. It is the Finance Minister and his colleagues in the Government that the people had been praying for all this time to wake up from their complacency and petulance, to have the courage and honesty to face the reality of the scourge of inflation squarely and boldly.

As my colleague, the Honourable Member for Bandar Melaka has said, it is perhaps better late than never that the Government has at last recognised the magnitude of the problem of inflation in our country. However, the ability and the willingness to recognise a problem is far from solving the problem itself. It is just like the futility of

one who recognises one's problem of tooth decay and not being prepared, for a variety of reasons, to call on a dentist; and I have every reason to believe that the Honourable Finance Minister has at last realised that the problem of inflation in our country has now passed the stage when it is much more serious than merely a tooth decay.

The people have neither the time nor the interest for the easy and old rhetoric about political will and courage to do what is right when they can see with utter dismay that the Government has still not come up with any concrete measures and proposals to tackle the problem. Their patience with what are essentially quarter-hearted steps is not inexhaustible, and it will do well for the Government to realise this before it is too late.

The Consumer Price Index, Mr Speaker, Sir, for Peninsular Malaysia for October, 1973 is 123.3 points, taking 1967 as the base year with 100 points. The Consumer Price Index for October, 1973 is 1.4 points or 1.1% above the index for September, 1973, and 16.8 points or 15.4% above the index in October, 1972, i.e. one year ago. Even these figures are likely to be out of date by now, if we had followed what appeared in the Press a few days ago. The price of coconut oil, for instance, has gone up from 90 cents a bottle to \$1.40 a bottle, and a 28-kati tin of the same has gone up from \$25 to \$31. Ikan selar kering has gone up by about 75%—from 60 cents to \$1.00 per kati. Ikan bilis has gone up from \$1.40 to \$2.00 and, in some places, \$2.30 per kati. Minyak tanah or kerosene oil has gone up from \$2.40 to \$2.90 per tin. Coconuts, I understand, have gone up from 25 cents to 40 cents or 45 cents each. Fresh red chillies are now \$1.20 and in some places \$1.40 or \$1.60 per kati, when they were about 60 cents a kati about three months ago.

Of course, Mr Speaker, Sir, the rich minority of cigar-puffing capitalists do not consume coconut oil, ikan bilis, ikan selar kering and minyak tanah, but to hundreds of thousands of our people in both the urban and rural areas, these are their very basic daily essentials.

And all that some Ministers appear to be doing these days is to exhort the people to grow more of their own vegetables and rear more of their own poultry. We should not be at all surprised if one of these days the same learned Honourable Ministers should tell our people to catch their own ikan bilis and ikan selar and plant their own coconut palms and refine their own minyak tanah.

The Government, Sir, has blamed almost everyone else except itself for this deplorable state of affairs, when it is more than clear that it has failed miserably to attempt to solve, let alone solve, the problem of price inflation. The Government has often put the blame on what it likes to conveniently call "imported inflation" as a result of international trends. But the items I have just cited above have very little to do with imports, if any, and they have gone up several times in prices over the past year or so. I challenge any Minister to go and try to tell our people in the kampungs, in the new villages, in the estate settlements, in the urban slums, etc. that the prices of these essential goods have gone up because of imported inflation.

Mr Speaker, Sir, the Ministry of Trade and Industry has not come out with any concrete measures to control inflation except to voice some pious platitudes, meaningless exhortations, appeals, warnings and hollow promises. I know, for instance, that the Government is going to introduce a Bill to amend the Price Control Act of 1946 to require retailers, wholesalers, manufacturers and producers to display price tags for their goods. This is what I call a quarter-hearted measure. It is highly inadequate a step to deal with the growing problem of price inflation for the simple reason that price tagging by itself is not price control.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengatakan bahawa pihak Pembangkang selalu sahaja membuat tuduhan kepada Kerajaan tetapi tidak menunjukkan apa-apa jalan. Sekarang saya ingin menunjukkan sedikit jalan kepada pihak Kerajaan terhadap masaalah inflasi dalam negara kita.

Mr Speaker, Sir, my colleagues have made several proposals, most of them pertaining to fiscal and monetary policies, to help

fight inflation. Today, I would like to make the following additional proposals:

- (1) That an all-party Parliamentary Standing Committee on Prices be immediately established.
- (2) Update the 1946 Price Control Ordinance, making it not only compulsory for retailers, wholesalers, manufacturers and producers to display price tags for their goods, but also requiring them, under an "early warning system" on prices, to notify the authorities in advance of any proposed price change in important and essential commodities and services and requiring them to seek official approval of any such proposed price change.
- (3) To establish a National Price Commission, preferably headed by a High Court judge, as an independent means of investigating the merits or otherwise of particular proposed price increases. This National Price Commission should be able to issue guidelines to determine a list of "fair prices" and also to have the power to permit or refuse price increases, and to order reductions, if necessary. To be able to police effectively a policy of price restraint, this Commission should also have powers to compel companies to reveal details about prices charged at the point of purchase as well as at the point of sale. Furthermore, under the jurisdiction and direction of this Price Commission, there should be a "Consumer Price Unit" at district, town and village or kampung levels, to which

consumers themselves could report about any alleged overcharging. These "Consumer Price Units" would have the responsibility of investigating such complaints, bring in proceedings, if necessary, and publicise the results.

As we have stated many a time, the main cause of price inflation is not due to income movements or what is euphemistically called "imported inflation", but is largely due to the free market system in which there is vast opportunity for gross and even irresponsible private profiteering.

It is indeed sad, Sir, that the Government has still been unable to rise to the challenge of the occasion to combat galloping prices. It appears to be both timid and confused; it is small wonder that most of the Ministerial statements on inflation, instead of helping to clear the minds of our people and allay their fears and anxieties, are in fact confusing and sometimes amusing, our people.

I call on the Government to be much more serious about price control before prices soar even higher, thus aggravating further the already existing hardships and burdens of our people.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung lagi pada hari Isnin.

Tuan Fan Yew Teng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 17hb Disember, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.